

---

# Suka Duka Gerakan Islam Dunia Arab

---

Maryam Jameelah

## **PENDAHULUAN**

---

Oleh kerana Islam sepanjang sejarahnya berkisar sekitar dunia Arab, maka keagungan Islam dan kekuatannya kerap dilihat dari perkembangan di kalangan umat Arab. Malah tumpuan tamaddun Barat sendiri, dalam usaha mengembangkan pengaruhnya di kalangan masyarakat Islam diberikan kearah melumpuhkan masyarakat Islam Arab.

Dua abad terakhir menjelang abad moden menguasai dunia, kuasa-kuasa Eropah yang dipelopori oleh British dan Perancis mendatangi dunia Arab yang ketika itu di bawah naungan politik empayar Othmaniah Turki.

Empayar Othmaniah diakui sebagai benteng Islam yang terkuat dan ia menjadi halangan kepada kemaraan pengaruh Kristian dan tamaddun barat yang diasaskan dari kebudayaan Eropah. Dunia Islam tidak dapat dipecahkan dengan kekuatan dan keunggulan Turki.

Bagaimanapun kuasa-kuasa penjajahan barat yang sudahpun bertapak di kawasan lain seperti di India, Asia Tenggara, Afrika Tengah dan Afrika Selatan, Kepulauan Carribean dan Amerika mulai memberikan sumbangan bagi melumpuhkan Turki. Cara yang mudah ialah memecahkan perpaduan di kalangan umat Islam dan tumpuannya ialah mendampingi setiap kelompok dalam masyarakat Arab.

Dalam abad-abad terakhir itu Turki sendiri mulai menyimpang dari cara Islam yang syumul. Pemimpin-pemimpin Turki mulai bimbang kemungkinan kuasa Islam itu berpindah dari tangan orang Turki ke tangan umat Islam lainnya seperti Arab misalnya. Oleh itu semangat ukhuwwah itu mulai longgar.

Dalam suasana seperti ini ejen-ejen penjajahan British, Perancis, Itali dan lain-lain dapat menyusup mendekati orang-orang Arab. Melalui kegiatan dagang pengaruhnya bertapak lalu diikuti dengan campur tangan politik dan akhirnya mendedahkan dunia Arab dalam suasana serangan pengaruh barat dan Kristian.

Dunia Arab sendiri, sekalipun masih dalam pengaruh Islam, tetapi mulai dilumpuhkan oleh kejahilan penganut-penganutnya. Di samping ramainya umat Islam yang buta huruf dan setengahnya tidak dapat menunaikan ibadat dengan peraturan yang ditentukan, di kalangan yang berilmu pula ramai yang kaku akibat terikat dengan ajaran Sufi dan tarekat.

Dua faktor yang menyelubungi masyarakat Islam baik di Sudan, Mesir, Libya, Maghribi, Semenanjung Arab dan lain-lain menyebabkan masyarakat Islam gagal menjadi satu tenaga penggerak dan pelindung umat.

Kejahilan umat itu sendiri menyebabkan mereka tidak dapat dorongan untuk membuat kemajuan, dan mereka tidak dapat melihat Islam sebagai sumber yang boleh memberi kekuatan dan kemajuan. Ketiadaan ilmu itu sendiri menyebabkan mereka hilang tujuan hidup dan dengan demikian mereka mudah menjadi buih yang dihanyutkan oleh arus yang melanda.

Dalam keadaan seperti ini, disamping mereka tidak dapat mengembangkan Islam, mereka juga boleh menjadi anasir yang digunakan untuk memukul Islam. Lord Cromer yang memimpin British di kurun ke 19 mengambil kesempatan dari keadaan itu untuk campur tangan dalam urusan politik Mesir dan Sudan. Mereka berjaya mendapat kerjasama dari golongan bangsawan tempatan untuk menumpulkan Islam.

Sebelum politik rantau itu dapat dikuasai Perdana Menteri British, Gladstone menyarankan bahawa kuasa Barat tidak mungkin dapat menentang Islam kerana mereka berpegang teguh kepada ajarannya. Justeru itu pernah beliau memberitahu Parlimen British, untuk menakluki hati dan politik orang Islam "hendaklah mereka dipisahkan dari buku ini". "Buku ini" yang dimaksudkan oleh Gladstone itu ialah Al Qur'an. Sesungguhnya keterangan itu adalah benar.

Sudan adalah contoh terbaik betapa pengaruh asing sukar diterima disebabkan kuatnya pengaruh Imam Muhamad Ahmad al-Mahdi yang mengasaskan Gerakan Al Mahdi di hujung abad ke 19 hingga awal kurun ke 20 ini. Pengaruhnya berjaya menanamkan semangat Jihad di kalangan pengikut Islam hingga ia dikira sebagai satu ancaman kepada pengaruh asing dan kuasa asing. Malah golongan bangsawan Arab lainnya merasa terancam atas kegiatannya.

Disamping kempen kesedaran yang ditanamkannya, gerakan itu mementingkan pengisian ilmu. Dari semasa ke semasa, pengajaran Islam secara dinamik dikembangkan kepada masyarakatnya. Perkembangan yang sama dilancarkan oleh mujahid lain seperti Ass Sanusi di Libya hingga ke Maghribi, dan Gerakan Wahabi di Semenanjung Arab. Masing-masing memberikan tumpuan dengan mengadakan sekolah yang dapat menanamkan aqidah Islamiah kepada orang ramai.

Dalam semua perkembangan semacam terdapat satu persamaan baik di mana-mana juga roh Islam itu bertiup. Samada yang dianjurkan oleh Al Mahdi di Sudan, Ass-Sanusi di Utara Afrika, Gerakan Wahabi di Semenanjung Arab, Ikhwanul Muslimin di Mesir kemudiannya dan angkatan Sheikh Uthman dan Fodio di Nigeria, Jihad menjadi pendorong utama. Tetapi Jihad itu sendiri hanya dihayati sesudah orang-orang Islam dapat meningkatkan aqidahnya.

Semangat Jihad yang tercetus di merata-rata itu memperlihatkan kesanggupan penganut Islam mengorban harta benda dan jiwa raga semata-mata kerana mencari keridhaan Illahi. Di tengah seruan jihad inilah baru dilihat bahawa semangat Islam itu berkobar dan semasa inilah kegemilangan Islam itu terserlah. Tidak mungkin Islam digeruni nampaknya selagi penganutnya tidak meletakkan jihad sebagai keutamaan dalam ibadat dan kehidupan. Serentak dengan tercetusnya semangat Jihad inilah mendorongkan seluruh musuh Islam baik dari luar mahupun dari dalam termasuk yang digolongkan dengan musuh dalam selimut bersatu tenaga dan melihat Islam sebagai suatu ancaman. Justeru itu Jihad mesti memerlukan korban dan pengorbanan.

Dalam meneropong kisah Suka Duka Gerakan Islam di Dunia Arab secara menyeluruh setiap mereka yang terlibat dalam Jihad sekurang-kurangnya telah mengorbankan kemewahan yang nikmati oleh orang lain. Ketika setengah orang yang berilmu dan boleh digelar ulamak boleh hidup mewah dan menjadi kesayangan golongan pemerintah, orang-orang seperti al Mahdi, Sheikh Hassan al Banna, Sheikh Ahmad Abdul Wahab, Ass Sanusi dan Uthman dan Fodio misalnya hidup dalam buruan dan terpaksa pindah randah. Mereka terlibat dalam peperangan. Sheikh Hassan al Banna misalnya terbunuh dalam usia yang masih segar (43 tahun). Tetapi segala kepayahan dan ujian itu tidak pernah mengencatkan usaha masing-masing untuk terus maju menegakkan bendera Allah.

Telah ditakdirkan nampaknya penganjur-penganjur harakah Islamiah terpaksa berhadapan dengan para ulamak yang antaranya mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat. Ulamak-ulamak yang merasa puas hati dengan keadaan Islam yang ada dan menjadi penasihat kepada pihak yang berkuasa dengan tidak mengira apa pegangan dan ideologi golongan umarak (pemimpin pemerintah) itu telah menjadi sasaran utama dari kebangkitan Islam.

Al Mahdi sendiri terpaksa berhadapan dengan ulamak disamping menghadapi golongan sekular. Sheikh Ahmad Abdul Wahab terpaksa menentang ramai ulamak yang terkemuka terutama mereka yang berpegang teguh dengan mazhab masing-masing. Sheikh Ahmad Abdul Wahab menentang amalan sembahyang berasingan dalam sebuah masjid semata-mata kerana berbeza mazhab. Bagaimanapun akhirnya beliau berjaya meletakkan para jemaah di Masjidil Haram sembahyang di belakang seorang imam.

Hassan Al Banna yang menjadi pelajar terbaik di universitinya menolak semua jawatan tetapi berjanji dalam thesisnya untuk menghabiskan masa hidupnya untuk mendidik umat Islam dan berazam untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup rakyat Mesir dan alam sekitarnya. Suatu yang tak terfikir

oleh orang lain, al-Banna menjadikan kedai kopi tempat menyampaikan dakwah. Ternyata dia mendapat sambutan dan akhirnya dia bolehlah dikatakan sebagai pemimpin yang tidak pernah dipertikai oleh orang-orang yang menjadi pengikutnya. Pengaruhnya bukan saja tersebar di Mesir, malah ia menjadi ikutan dalam semua negara yang ada harakah Islamiah hingga sekarang. Tidak dapat dinafikan kalau dinasti Saudi merajai Semenanjung Arab hingga terasnya Saudi Arabia atas keupayaannya menumpang perjuangan dan kekuatan Gerakan Wahabi, maka regim Gamal Abdel Nasser berupaya menumbangkan Raja Farouk dan menegakkan sistem sosialisma Arab di Mesir adalah kerana dapat menumpang di tengkuk-tengkuk para mujahid Ikhwanul Muslimin yang diasaskan oleh al Banna. Dan jangan pula terperanjat Mustafa Kamal Attarturk sendiri menumpang arus gerakan Islam yang tidak puas hati dengan kealpaan pemimpin-pemimpin Turki di akhir-akhir empayar Othmaniah. Attarturk pergi ke kampung-kampung menemui orang-orang Islam yang tidak puas hati itu bagi mendapatkan sokongan. Orang Islam seluruhnya terperanjat apabila sesudah berkuasa, Ataturk berpaling menghadapi Orang Islam semula.

Sepanjang sejarah menegakkan kedaulatan Islam ini, gerakan-gerakan Islam yang revolusiner terpaksa berhadapan dengan golongan Sufi. Golongan ini menumpukan penuhi waktu untuk mendekati diri kepada Allah, tetapi telah meninggalkan kewajipan dalam menentukan kekuasaan memerintah bagi jemaah Islam. Sufi tidak memberikan perhatian kepada politik. Justeru itu persoalan politik dan pentadbiran terserah bulat kepada golongan yang tidak memberatkan Islam.

Baik Sheikh Ahmad Abdul Wahab, mahupun Uthman dan Fodio, hatta Sheikh Hassan al Banna dan lain-lainnya terpaksa berhadapan dengan golongan Sufi ini. Dan kerana golongan Sufi itu sendiri mempunyai akar umbi dalam masyarakat Islam, sebarang usaha untuk merubah pemikiran pengikut-pengikut kumpulan Sufi menyebabkan berlaku pergolakan sesama penganut Islam.

Kuatnya pengaruh Sufi di Semenanjung Arab misalnya memaksa Sheikh Ahmad Abdul Wahab mengeluarkan pendapat dan keputusan untuk mengharamkan orang-orang Islam menyertai Sufi. Baginya Sufi adalah ibarat air yang bersih dan halal. Tetapi doktor boleh mengharamkan air itu dari diminum disebabkan muslihat kesihatan. Atas muslihat mengajak dan menggerakkan masyarakat Islam bangkit menegakkan Jihad lantas mereka dikehendaki meninggalkan ajaran dan penumpuan Sufi itu.

Ulamak yang merasa cukup dengan ibadat sembahyang dan puasa juga terpaksa dihadapi. Ulamak ini jelas berakar dalam masyarakat Islam. Antara mereka mendapat kedudukan di kampus Al-Azhar. Para mujahid dan mujadid di negara-negara Arab terpaksa berbalah dalam banyak pendapat dengan mereka. Justeru itu didapati pemimpin Ass Sanusi yang berazam untuk menetap

di Al-Azhar bagi menambah ilmu pengetahuan terpaksa beredar ke tempat lain bagi mendapat tapak dan kumpulan yang lebih sesuai. Itulah sebabnya Al Mahdi, al-Banna, Ass Sanusi dan lain-lain terpaksa pindah randah kerana mereka tidak disenangi. Malah hampir setiap orang dari mereka pernah menerima celaan sebagai penyebar ajaran sesat atau terkeluar dari Islam dan sebagainya.

Tohmah seperti ini terpaksa mereka lalui. Boleh dikatakan dalam peneropongan kepada harakah Islamiah di beberapa kurun lalu di benua Arab, gelombang kebangkitan Islam memainkan peranan yang besar. Cara hidup Islam pernah bertapak di semua daerah dari Teluk Parsi hingga ke pantai barat Afrika. Tetapi setiap masyarakat Islam yang ditegakkan tadi nampaknya tidak kekal. Musuh Islam khususnya dari golongan penjajahan barat terus menerus melancarkan konfrantasi. Winston Churchill antaranya ikut memainkan peranan dengan menghadirkan diri ke rantau itu sebelum dia muncul sebagai pemimpin British. Dia ikut merancang menjatuhkan masyarakat Islam Sudan misalnya.

Catatan dimuatkan secara jelas bagaimana British, Perancis, Itali dan lain-lain bekerja sama dengan golongan oportunist nasionalis dalam negeri memusnahkan angkatan al Mahdi di Sudan, Ass Sanusi di Libya, Algeria dan Maghribi dan bagaimana Sidi Omar al Mokhtar ditewaskan. Penyelewengan ikut menggagalkan Gerakan Wahabi di Saudi dan Ikhwanul Muslimin di Mesir.

Bagaimanapun pengaruh dan semangat yang ditanamkan di tiap-tiap tempat di Sudan, Mesir, Libya dan Algeria serta Maghribi, di Semenanjung Arab, di Nigeria dan Afrika Barat menyala hingga kini walaupun secara de facto gerakan Islam itu tidak kedepan. Walaupun orang-orangnya terus diburu, tetapi setiap kerajaan yang wujud atas bumi tersebut hingga sekarang tidak pernah lena.

Berikut dengan kebangkitan Islam di seluruh dunia kini, bara yang tidak pernah padam itu mula menyala kembali. Ia tetap akan membakar segala unsur sekularisma dalam masyarakat Islam sehingga daulah Islamiah dapat ditegakkan satu demi satu bagi menggantikan empayar Othmaniah yang tumbang di awal kurun ke 20 ini.

## Kandungan

---

- SHEIKH MUHAMMAD ABDUL WAHAB
- PELOPOR GERAKAN WAHABI
- GERAKAN SANUSI
- SHEHU UTHMAN DAN FODIO
- MAHDI DI SUDAN
- SHEIKH HASSAN AL BANNA
- AL IKHWAN AL MUSLIMIN

1

## SHEIKH MUHAMMAD ABDUL WAHAB PELOPOR GERAKAN WAHABI

### **SHEIKH MUHAMMAD B. ABDUL WAHAB**

---

Telah menjadi satu kenyataan, awal abad ke 12 Hijrah merupakan masa di mana keruntuhan akhlak dan aqidah Islam berada pada tahap yang menghinakan di seluruh negara Islam. Keadaan Ummat Islam pada masa itu amat jauh berbeza dengan keadaan Ummat Islam di zaman Rasulullah S.A.W sehingga ia menjadi tandatanya bukan saja kepada orang Islam malah termasuk orang bukan Islam. Seorang penulis Amerika Lothrop Stoddard telah menggambarkan dengan jelas keadaan keruntuhan Ummat Islam di zaman ini. Mengikut pendapat Amir Shakib Arsalan, ketegasan dan ketepatan gambaran yang diberikannya itu tidak dapat ditandingi oleh cerdik pandai Islam yang lain: *"Agama Islam hancur seperti hancurnya agama-agama lain. Keesaan Allah di dalam ajaran Islam telah dibebankan dengan pembiakan berjenis-jenis teori karut dan ajaran salah. Masjid-masjid kosong dan menanti runtuh, dipulau oleh sijahil yang sibuk dengan tangkal azimat, jampi serapah dan tasbih. Mereka lebih memberi perhatian kepada Faqih dan Tok Lebai yang sesat. Mereka menunaikan haji di kubur-kubur 'orang wali' yang disembah sebagai perantaraan atau keramat. Ajaran Qur'an tidak dihiraukan sehingga Mekkah dan Madinah menjadi tempat di asingkan. Boleh dikatakan hidup mereka sudah lari dari ajaran Islam. Jikalau Nabi Muhammad balik ke dunia, sudah tentulah baginda akan menganggap mereka sebagai murtad atau penyembah berhala".<sup>1</sup>*

Di tengah keadaan yang tidak menggalakkan itu Muhammad bin Abdul Wahab dilahirkan dalam tahun 1703 di tengah sebuah keluarga yang terkenal dengan alim dan mulia di Nejd. Di masa kanak-kanaknya beliau sudah menunjukkan sifat-sifat luar biasa dari orang lain. Apabila Muhammad bin Abdul Wahab meningkat dewasa, beliau sudah dikenali di seluruh Arabia sebagai seorang alim yang bijak. Dia mula dikerumuni oleh ramai murid-murid. Muhammad bin Abdul Wahab masih lagi dahagakan ilmu sehinggalah dia

---

<sup>1</sup> The New World of Islam pp. 22-26.

pergi ke Mekkah, Madinah dan akhirnya ke Iran untuk belajar. Di Iran beliau menuntut ilmu dari beberapa orang ulamak di sana.

Apabila beliau balik ke Nejd, pemerintah kawasan itu merasa bimbang terhadap pengaruhnya yang mungkin akan menghancurkan kuasanya. Kerana kebimbangan inilah salah seorang dari pemimpin Nejd telah mengirim amaran kepada Gabenor di situ:

*"Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab melakukan perkara yang bercanggah dengan kehendak dan kesukaan saya. Oleh itu kamu mesti bunuh dia sekarang. Jika tidak kami tidak akan membayar subsidi kepada kamu"*.

Mendengar khabar itu, Sheikh Muhammad dengan beraninya mengatakan:

*"Pendirian yang saya pegang dan risalah yang saya laungkan kepada setiap orang ialah 'La illaha illallah -Tiada Tuhan melainkan Allah' Aku menyeru kepada prinsip asas Islam iaitu menyuruh kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Jikalau kamu memegang teguh risalah ini, InsyaAllah, Allah akan mengalahkan musuh-musuh kamu"*.

Dengan sikap hati batu, Gabenor di situ telah mengusir Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab keluar dari daerahnya sehingga beliau terpaksa berjalan kaki menyeberangi padang pasir yang panas menuju ke tempat buangan.

Di dalam perjalanannya, Sheikh telah disambut oleh Amir Muhammad Ibn Saud yang berjanji untuk bekerjasama menjayakan rancangan Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab. Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab tidak berpuas hati dengan hanya berdakwah. Beliau bercita-cita untuk menubuhkan sebuah masyarakat di mana Islam dalam keadaan tulen menjadi perlembagaan hidup. Di bawah pemerintahan Amir Muhammad Ibn Saud, cara hidup, aqidah dan perangai rakyatnya bertukar dengan sepenuhnya. Belum pada itu, sebahagian besar dari penduduk Mekkah dan Madinah hanyalah Islam pada nama sahaja. Mereka tidak mengetahui apa-apa melainkan mengucapkan dua kalimah syahadah. Sekarang mereka diperintah untuk sembahyang berjemaah, puasa bulan Ramadhan dan membayar zakat. Tembakau, sutera dan simbol kemewahan telah dihapuskan sama sekali. Cukai yang tidak berunsur Islam juga dihapuskan. Inilah pertama kali dalam berabad-abad lamanya, orang Badwi dapat hidup dalam aman dan senang lenang. Mereka tidak perlu lagi risau tentang lembu atau harta mereka dicuri orang. Seheinggakan hamba kulit hitam berani membuat pengaduan di hadapan kaum yang terberani serta yang tergagah dan si hamba itu disuruh membilang kesalahannya begitu saja dengan ikhlas hati. Perbalahan mazhab berkurangan apabila ulamak dari setiap mazhab yang diiktiraf bergilir-gilir menjadi imam sembahyang berjemaah di masjid.

Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab terbukti seorang mujaddid yang terkenal yang boleh dianggap sebagai pengganti kepada Imam Ahmad bin Ibn Hanbal dan Ibn Taimiyyah. Seperti mereka ini, Sheikh Muhammad bin Abdul

Wahab menolak fahaman akal Muktazilah. Beliau menekankan supaya isi Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang sahih mestilah diterima dan diikuti menurut makna ayat yang ringkas dengan tidak bersoal. Beliau juga menekankan tentang betapa pentingnya Qur'an itu tidak disertakan dengan tafsir yang berunsur mistik. Beliau juga menentang amalan mewarna Qur'an dengan warna berkilat-kilat. Sheikh Muhammad bin Abdul Wahab juga merasa kurang senang melihat ramai orang terlalu memberi ketaatan kepada tafsiran isi Qur'an berbanding dengan isi Qur'an itu sendiri serta hadith-hadith Rasulullah. Pada hal, tafsiran ialah karangan manusia, yang berkemungkinan salah. Beliau menjelaskan, jika teks Qur'an dicampur adukkan dan dikucar-kacirkan dengan tafsiran-tafsiran maka kemungkinan Ummat Islam tidak lagi dapat menikmati keaslian teks Qur'an yang asal. Mereka akan terjerumus ke dalam kesesatan yang telah diamalkan oleh Yahudi dan Nasrani.

Walaupun dalam perkara Syariah, beliau mengikuti Hanbali, namun begitu, beliau tidak mengikutinya dengan membuta tuli dalam semua perkara. Di dalam tulisannya, dia tidak membangkang sesiapa saja dari orang Islam yang ingin berpegang kepada mazhab Islam yang tiga itu. Dengan pancaran hati yang terang. Sheikh Muhammad berpendapat, mengikut kajiannya, keruntuhan Ummat Islam pada masa itu berpunca dari kaitan mereka dengan mistik dan Tassawuf. Walaupun begitu Sheikh tidak menentang Tassawuf dengan membuta tuli. Pada masa mudanya, beliau telah belajar dengan teliti dan perasaan simpati dengan seluruh cabang ajaran Sufi di Iran. Apabila umurnya meningkat tua, beliau menyedari bahawa penyalahgunaan Tassawuf telah tersebar luas dan dianuti oleh ramai Ummat Islam. Ianya adalah seperti air yang bersih dan halal tetapi terpaksa diharamkan oleh doktor jika ianya membahayakan pesakit. Tassawuf dari segi prinsipnya halal tetapi jika ia boleh membawa bahaya maka ianya hendaklah ditolak ke tepi. 'Warnakanlah tikar sembahyang kamu dengan arak jika ketua Tasawwuf kami memerintahkannya'. Dengan terang, pemikiran seperti ini adalah syirik. Mereka tidak dapat membezakan kepada siapa yang perlu diberi ketaatan, Allah atau ketua Tasawwuf.

Sheikh-sheikh di Arabia pun sedar bahawa Ummat Islam telah ketagih dengan Sufi ini. Inilah perkara yang menidurkan mereka dan menahan mereka dari kecergasan dan pergerakan. Itulah sebabnya Sheikh Ahmad bin Abdul Wahab memilih strategi untuk menentang penyelewengan dalam soal mistik yang terang-terang bercanggah dengan prinsip aqidah dan keesaan Allah. Prinsip aqidah dan keesaan Allah amatlah penting dalam Islam. Beliau menentang dengan keras sekali perkara-perkara seperti bidaah, menyembah keramat, menyembah tanda-tanda dan menyembah kubur. Di samping itu, Sheikh juga menentang amalan yang bercanggah dengan Sunnah Rasulullah yang lazim dilakukan pada masa itu seperti mendirikan masjid dan bangunan di

atas kubur. Beliau memerintah supaya semua ini diruntuhkan. Walau pun begitu, beliau tidak membantah menziarahi kubur untuk mengingati mati. Perkara seperti menyembah datuk nenek, meminta pertolongan dari orang dalam kubur dan membuat orang mati sebagai perantaraan dengan Allah ditentang hebat oleh Sheikh.

Sudah menjadi sunnatullah, Sheikh mendapai tentangan hebat dari semua penjur. Musuh-musuhnya cuba untuk meyakinkan orang ramai bahawa apa yang diajar oleh Sheikh itu ialah agama rekaan baru yang tidak ada kena mengena dengan ajaran Islam. Mereka memfitnah bahawa Sheikh Ahmad cuba mereka-reka mazhab baru dan akan melabelkan sesiapa yang enggan menurut mazhabnya sebagai kafir. Fitnah ini tidak mempunyai kebenaran langsung. Musuh-musuhnya mula menamakan pengikut-pengikut Sheikh Ahmad sebagai 'Wahabi'.

Selepas Amir Abdul Aziz meninggal dunia, anaknya menggantikannya. Amat malang sekali, anaknya itu tidak mempunyai banyak ilmu dalam soal kenegaraan dan diplomasi. Beliau telah mengapi-apikan pengikut Wahabi supaya melawan kerajaan Islam Turki yang wujud pada masa itu. Kalaulah dia seorang yang bijaksana, dia patutlah mengelakkan diri dari menumpahkan darah sesama Islam. Semua ini berlaku kerana sifat mementingkan diri sendiri di mana mereka ini ingin menjadi pemerintah. Di mata Turki, nama Wahabi amatlah dibenci.

Kesilapan ini telah mencetuskan peristiwa malang di mana Mesir telah menyerang Arabia untuk menghancurkan pergerakan Wahabi. Muhammad Ali ialah pemerintah Mesir yang berbangsa Albania. Selepas peperangan sengit di Taif, Muhammad Ali menyerang dan mengalahkan Wahabi. Lebih dari 50,000 pengikut Wahabi dibunuh. Mayat-mayat bergelimpangan di seluruh bandar. Selepas kekalahan ini, orang-orang Wahabi sekali lagi dizalimi. Semua ketua-ketua Wahabi dikumpul dan dibunuh di khalayak ramai. Mayat-mayat mereka diberi makan kepada anjing. Bandar-bandar yang berdekatan telah diceroboh, pohon kurma ditebang, tanaman dan binatang ternakan dibunuh serta rumah-rumah di bakar hangus. Orang-orang tua, orang sakit, perempuan dan kanak-kanak di bunuh tanpa kasihan belas. Mendengar berita tersebut kerajaan British yang takut kepada kebangkitan Islam itu amatlah gembira sekali dengan perbuatan Muhammad Ali dan anaknya Ibrahim. Kerajaan British telah menghantar satu delegasi khas dari India untuk mengucapkan syabas kepada Muhammad Ali dan anaknya Ibrahim. Rombongan itu diketuai oleh Captain George Forester Sadlier.

Dalam tahun 1900, seorang padri Kristian Samuel Zwemer menulis: "Pergerakan Wahabi telah dapat dihapuskan. Kesan politik akibat dari

pergerakan Wahabi hanyalah kejutan sementara. Kekuatan bangsa Saudi hanya tinggal dalam sejarah sekarang".

Ramalan ini didapati salah kerana kurang daripada suku abad selepas itu, Sultan Abdul Aziz telah menakluki seluruh Semenanjung Tanah Arab melalui usahanya sendiri. Pada peringkat awalnya, bukan saja orang-orang di Tanah Arab malah seluruh Ummat Islam di merata dunia tidak sabar-sabar lagi ingin melihat kebangkitan Islam se dunia di bawah pimpinannya.

Malang sekali, harapan ini jatuh berkecai. Apabila beliau mengistiharkan bahawa beliau akan menegakkan sistem beraja, teranglah bahawa Raja Ibn Saud menggunakan Wahabi sebagai alat untuk mencari kuasa bagi dirinya.

"Di sepanjang hidupnya, Ibn Saud suka bercakap tentang Islam sebagai tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya tetapi menjadi jelas sekarang bahawa kepentingan dirinya untuk menjadi raja mengatasi kesungguhannya untuk memperjuangkan Islam. Kata-katanya- yang manis telah dapat menipu ramai orang termasuk dirinya sendiri. Dia seorang sederhana, bersopan santun tetapi dia membiarkan dirinya menyertai orang yang di sekelilingnya dalam hidup membazir dan kemewahan yang berlebihan. Dia kuat beragama tetapi jarang sekali dia memikirkan tentang tujuan upacara-upacara ibadat. Beliau menunaikan sembahyang lima kali sehari dengan sempurna dan menghabiskan masa berjam-jam beribadat di malan hari tapi dia tidak mengetahui bahawa sembahyang hanyalah jalan bukannya matlamat. Beliau bercakap tentang kebesaran cara hidup Islam tetapi beliau tidak membuat apa-apa usaha untuk membentuk sebuah masyarakat maju yang berlandaskan cara hidup Islam. Beliau tidak pernah cuba untuk mencari kesilapan dirinya sendiri tetapi menggunakan segala helah akal untuk menganggap apa yang dibuatnya semuanya betul, walaupun terang-terang salah. Pcngampu-pengampu di kelilingnya tidak membuat apa-apa untuk memperbaiki kelemahannya. Masing-masing merebut-rebut untuk mencari harta pemberian."<sup>2</sup>

Yang sebenarnya, Ibn Saudlah yang menghancurkan harakah Islam di Arabia dengan mengizinkan carigali minyak oleh syarikat syarikat minyak Amerika pada tahun 1932. Kalaulah beliau masih berpegang teguh kepada prinsip perjuangan Islam sudah tentulah beliau menolak syarikat itu. Dengan cara ini, ianya dapat menahan atau melambatkan untuk beberapa kurun pengaruh kebudayaan barat dari bertapak di Saudi Arabia. Akhirnya, perjuangan untuk menegakkan masyarakat Islam tertimbus dalam ketamakan harta dunia.

"Semangat perjuangan Islam Wahabi mati di hari Amerika menemui minyak dengan banyak di Saudi Arabia. Semenjak 1912, berterusan selama 30 tahun

---


<sup>2</sup> The Road To Mecca Mohammad Asad op. cit.

seluruh hidup dan aktiviti negara dikawal oleh prinsip-prinsip Islam. Tepat masuk waktu sembahyang, semua perniagaan dihentikan, pintu kota ditutup dari keluar masuk dan sekian penduduk lelaki berduyun-duyun ke masjid. Sekarang semuanya sudah bertukar. Minyak memberi kesan kepada sosial ekonomi rakyat berkali ganda. Kekayaan yang melimpah telah menyebabkan anak-anak raja dan orang kaya bersenang lenang mengikut cara hidup Barat. Mereka mula biasa dengan perlangungan keluar negeri, pakaian rekaan asing dan kemewahan cara asing yang berbagai rupa. Minyak jugalah yang menyebabkan berlakunya proses perpindahan dari negara menyebabkan masyarakat Saudi Arabia bertukar dari yang asal. Pendatang-pendatang terdiri dari Pegawai-pegawai dan buruh-buruh yang memburu kerja, peniaga-peniaga yang mencari keuntungan cepat dan pengilang-pengilang yang ingin melabur. Yang membimbangkan sekali, terdapat guru-guru dan ahli teknikal yang memberi sumbangan yang besar dalam membaratkan generasi muda. Mereka berpakaian seperti orang Eropah dan berkelakuan tidak berbeza dan orang barat. Adalah tidak lama masanya di mana Saudi Arabia akan di baratkan seperti yang berlaku pada negara jirannya".<sup>3</sup>

Walaupun pergerakan Wahabi dari segi politiknya berpusat di Saudi Arabia, tapi semangatnya telah memberi kesan yang menyegarkan ke setiap penjuru dunia Islam. Perjuangannya yang akhirnya menjadi inspirasi kepada pergerakan al-Ikhwan al-Muslimin. Dengan pertolongan mujaddid-mujaddid seperti Ahmad bin Abdul Wahab inilah, Islam dapat dihidupkan kembali dan diselamatkan dari mala petaka.

---

<sup>3</sup> Riyadh : Ancient and Modern 'Harry St. John Bridge Philby, The Middle East Journal, Washington DC spring 1959.



## GERAKAN SANUSI

### **GERAKAN SANUSI**

---

Kisah perjuangan Gerakan Sanusi adalah tragedi yang paling sedih yang berlaku dalam sejarah Islam moden. Kalaulah Gerakan Sanusi berjaya memenuhi cita-cita perjuangannya maka kemungkinan satu kebangkitan Islam berlaku di seluruh dunia Islam khususnya dunia Arab. Selepas kemerdekaan Libya dalam tahun 1951, puak nasionalis Libya Cuba menganggap perjuangan Sanusi menentang kuasa Eropah sebagai perjuangan berdasarkan semangat nasionalis Libya. Tidak ada penyelewengan yang paling besar selain dari putarbelit ini. Gerakan Sanusi berperang di atas garis Jihad Fi Sabil Lillah, bukan kerana matlamat lain. Slogan-slogan yang ditiupkan oleh nasionalis Arab sekarang tidak ada kena mengena langsung dengan hasrat perjuangan mujahid-mujahid Gerakan Sanusi.

Selain dari bertentangan dengan matlamat puak nasionalis yang dikira tidak sopan, As Sanusi juga mempunyai kebencian yang meluap-luap terhadap masyarakat moden yang lazimnya tak terlepas dari maksiat. Hingga ke saat akhir As Sanusi tidak bertolak ansur langsung dengan falsafah kebendaan.

Sayyid Muhammad al Idris, Raja Libya yang terakhir yang digulingkan oleh Qaddafi, bila ditanya mengapa baginda dan pengikutnya menentang kebudayaan moden, berkata;

*"Gerakan Sanusi hanya bermatlamat untuk untuk menegakkan keimanan dan kemuliaan hati. Bagaimana perkara tersebut boleh tercapai? Ianya dapat dicapai dengan cara menyisihkan fikiran kita dari semua perkara yang lain melainkan Allah. Hidup dengan kesederhanaan dan menjauhkan diri dari sebarang hiburan yang tidak dapat mendekatkan diri kita dengan Allah."*

*' 'Mengapa Itali mengambil tindakan terhadap As Sanusi?'*

*"Sebabnya ialah mereka yang mengikuti kami sihat tubuh badan dan fikiran. Pihak Fasis Itali lebih berminat untuk merosakkan umat islam sebagaimana yang telah dilakukan di dunia Islam yang lain. Apabila keadaan ini berlaku, tamaddun Itali akan berkembang dengan lebih cepat. Selagi Islam memerintah, semuanya ini tidak akan berlaku."*

"Mengapa tidak?"

*"Ajaran Islam adalah mudah. Tubuh kita mestilah dikuatkan dengan cara hidup yang baik dan berdisiplin supaya ianya menjadi rumah yang sesuai bagi roh kita. Kamu tidak dibenarkan menghisap sebarang dadah termasuk tembakau. Kamu mestilah jangan menghambakan diri kepada sebarang tuan yang lain melainkan Allah. Kamu mestilah menjadi tuan kepada keadaan yang ada di keliling kamu. Tammadun yang cuba dijalankan di Cyrenaica bertujuan untuk menukar kita menjadi hamba kepada keadaan. Ini kita mesti tentang habis-habisan."*

*"Mereka akan cuba mengagung-agungkan kemajuan teknik yang ada. Mereka akan mengukur sesuatu benda mengikut kebesaran luaran dan kekuasaan bukan mengikut perkembangan rohani. Ketahuilah, di mana saja Sanusi memerintah, keamanan dan ketenteraman wujud disetiap aspek. "<sup>4</sup>*

Datuk kepada Sayyid Muhammad al Idris, Sayyid Muhammad ibn Ali as Sanusi dilahirkan dekat dengan Mustaghanim di Algeria dalam tahun 1787. Ketika umurnya menjangkau dua tahun, beliau kehilangan bapa. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang beriman dan berilmu. Gurunya yang pertama ialah emak saudaranya iaitu Sayyidah Fatimah, seorang wanita yang mempunyai kecerdikan dan pendidikan yang tinggi. Di bawah asuhannya, As Sanusi dapat menghafal Quran pada umur yang terlalu muda.

Selepas belajar tentang Islam dan Syariah dari guru-guru yang terbaik, As Sanusi berhijrah ke Maghribi apabila usianya meningkat dewasa. Di sana beliau telah melayakkan dirinya belajar di masjid Universiti Qarawiyin, iaitu sebuah universiti yang terkenal di Maghribi. Perhatian berat diberikan oleh beliau dalam mata pelajaran Quran, Hadith, Syariah dan bahasa Arab.

Kebijaksanaan As Sanusi mula terkenal sehingga ianya dapat menarik perhatian Sultan Maghribi pada masa itu iaitu Sultan Moulay Sulaiman. Sultan itu menawarkan kepadanya berkhidmat di istana. Sayyid As Sanusi yang mempunyai kebencian yang tebal terhadap kemegahan dunia itu telah menolak permintaan itu. Seterusnya beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan negara itu. Beliau bersama dengan sekumpulan ulamak telah mengembara melalui Tunisia, Libya dan Mesir dalam keadaan dahagakan ilmu. Di mana sahaja beliau berada, beribu-ribu penuntut mengerumuninya. Beliau sudah terkenal di serata ceruk sebagai seorang ulamak antarabangsa yang bertaraf tinggi.

---

<sup>4</sup> Sanusiyyah : The study of a Revivalist Movement in Islam, **Nicola A Ziadeh** L.J Brill, Leiden, pg 30-32

Pada mulanya, beliau berniat untuk tinggal lama di Universiti Al Azhar bagi menyambung ilmunya tetapi layanan yang diterimanya kurang memuaskan.

Ulamak Al Azhar yang takut kalau-kalau kedudukan dan pengaruh mereka tergugat dengan ketokohan Sheikh As Sanusi telah mengeluarkan fatwa bahawa Sheikh As Sanusi adalah sesat. Bagi As Sanusi, ini tidak memberi kesan apa-apa. Beliau merasa benci melihat lagak ulamak-ulamak tersebut. Mereka mengaku bahawa merekalah contoh orang-orang Islam yang beriman dan mengikuti al-Quran padahal mereka ini tidak lebih dari boneka pemerintah. Beliau benci terutamanya kepada Sultan Muhammad Ali (Sultan Mesir) dan terang- terang mengutuknya tentang aktiviti maksiatnya.

Merasa bosan terhadap keadaan di Kahirah, beliau berhijrah ke Mekkah. Di Mekkahlah beliau menjumpai segala apa yang diidam-idamkannya. Di waktu menunaikan ibadat haji, beliau telah bertemu dengan seorang pemimpin Tasauf yang terkenal iaitu Sayyid Ahmad ibn Idris al Fasi, ketua kumpulan Sufi Khidriah di Maghribi. Beliau berhubung rapat dengannya dan menjadi muridnya yang setia dan rajin. Apabila ketokohan kedua-dua ulamak ini meningkat, ulamak di situ mula merasa kurang senang.

Melihat keadaan itu, kedua-dua lokoh itu mengambil keputusan untuk berpindah dari Mekkah ke Yaman. Selepas beberapa tahun, gurunya meninggal dunia. As Sanusi balik semula ke Mekkah dalam tahun 1837. Di Mekkah, beliau menubuhkan sebuah Zawiyah yang merupakan permulaan kepada harakah yang dinamakan Gerakan Sanusi.

Matlamat Gerakan Sanusi tidak lebih dari menukar masyarakat Umat Islam kepada satu masyarakat yang berlandaskan kepada Quran dan Hadith. Di dalam perjuangannya, As Sanusi amat dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Imam Ahmad Ibn Hanbal, al Ghazali, Ibn Taimiyyah dan kemungkinan termasuk contoh-contoh yang telah ditunjukkan oleh Mujaddid Arab, Muhammad bin Abdul Wahab.

Gerakan Sanusi lebih menghormati ajaran Sufi. Sanusi menghalalkan Tassauf tetapi beliau melarang keras penggunaan muzik dan tarian yang diamalkan oleh setengah ahli Sufi.

Beliau bergerak luas ke sana dan ke mari. Beliau disambut dengan gembira ke mana saja beliau pergi. Akhirnya As Sanusi memilih Cyrenaica sebagai pusat aktivitinya walaupun zawiyanya masih wujud di Arabia dan Afrika Utara. Negara asalnya, Algeria kemudiannya dijajah oleh Perancis dan Tunisia dijajah oleh kuasa yang sama. As Sanusi juga beranggapan bahawa

kerajaan Othmaniah di Turki cemburu terhadap kejayaan mereka. Melihat keadaan ini mereka mengambil keputusan untuk mengalih markas mereka ke kawasan pendalaman di mana mereka dapat menjalankan kegiatan tanpa halangan. Beliau telah memilih Oasis Jaghbub sebagai markasnya yang baru. Tukang rumah dan bahan-bahan binaan pun dihantar untuk membina sebuah zawiyah yang besar.

Dengan ketokohnya yang tinggi diinspirasi oleh Hadith Rasulullah "Berbaik-baiklah dengan mereka yang rapat dengan kamu". As Sanusi telah menyatukan dan menyelesaikan masalah perbalahan antara puak di situ.

Setelah berjaya mewujudkan keamanan dan ketenteraman yang tidak pernah wujud sebelumnya, beliau mula mengambil langkah untuk menyebarkan ajaran Islam ke Afrika Tropika. Kejayaannya yang paling cemerlang ialah apabila beberapa puak padang pasir yang terkenal dengan gagah berani dan ditakuti orang menjemputnya tinggal bersama mereka dan mendirikan zawiyah di Kufra. Kufra ialah sebuah oasis seluas 20,000 batu persegi merentang dari Cyrenaica ke Tasik Chad. Puak ini telah berjanji untuk meninggalkan amalan mencuri dan merompak untuk selama-lamanya. Walaupun As Sanusi tidak dapat tinggal di sana, beliau menghantar pengikut setianya. Akibatnya, beribu-ribu orang dari puak ini yang dulunya hanya Islam pada nama, memegang teguh ajaran Islam. Ramai lagi orang-orang dari Afrika Tropika memeluk Islam.

Dalam tahun 1859, As Sanusi meninggal dunia dan diganti oleh anaknya yang tertua Sayyid al Mahdi yang hanya berumur 16 tahun. Sayyid al Mahdi mendapat pendidikan di Jaghbub. Beliau hanya berpeluang untuk tinggal bersama ayahnya setahun sebelum ayahnya meninggal. Pada umur yang masih muda, 12 tahun, Sayyid al Mahdi sudah dapat memikul tanggungjawab ayahnya seperti menghantar utusan, menerima delegasi dan mengajar Islam. Di bawah jagaan bapanya dahulu, bapanya telah membawa ulamak-ulamak yang besar dan berakhlak tinggi untuk mengajar Sayyid al Mahdi. Oleh kerana Ummat Islam mengalami suasana yang genting dengan bahaya penjajahan, mereka mula menganggap Sayyid al Mahdi sebagai Imam al Mahdi yang telah lama ditunggu untuk menegakkan keadilan dan keamanan di muka bumi ini. Sayyid al Mahdi menolak ini semua. Seperti bapanya, Sayyid al Mahdi tidak berminat untuk bermegah diri. Beliau hanya ingin berjuang dengan istiqamah, rajin dan berkesan di jalan Allah.

Semasa Sayyid al Mahdi menjadi ketua Gerakan Sanusi, kekuatan dari pengaruh gerakan itu sampai ke kemuncaknya. Lebih-lebih lagi, ajaran Sanusi menekankan supaya kuat dan rajin bekerja. As Sanusi selalu menyebut bahawa terdapat kebaikan yang amat besar dalam menanam pokok dan kegunaan

daunnya. Falsafah inilah yang telah berjaya menukar padang pasir yang kering kontang itu menjadi ladang yang luas menghijau. Perdagangan dan jual beli berkembang maju. Sikap meminta-minta dan malas tidak diberi pertimbangan langsung.

Di bawah ini akan diceritakan bagaimana keadaan zawiyah Sanusi pada kemuncak kejayaannya. Jaghbub tidak boleh dikatakan dengan tepat sebagai sebuah bandar tetapi ianya sebuah pusat agama dan ilmu pengetahuan. Keadaan kampung universiti itu aman dan tenteram. Penghuninya memakai serban dan Sheikhnya berjanggut dan berjubah putih panjang. Kain luar jubahnya dari warna sama ada hijau atau biru ungu. Kampung Universiti ini dikelilingi oleh tembok-tembok tebal yang tidak bertingkap mengelilingi sekolah-sekolah, asrama-asrama, masjid-masjid, rumah keluarga Sanusi dan jalanraya yang berliku-liku. Jaghbub berdiri tegak di atas dataran yang tinggi di mana dari atas terdapat anak-anak tangga yang turun menuju ladang kurma. Terdapat sebuah telaga besar yang membekal air kepada seluruh masyarakat di situ.

Apabila Sayyid al Mahdi melawat Kufra, beliau membebaskan 50 orang hamba di sana dan memberi mereka ladang-ladang yang telah dikerjakan dahulunya untuk tuan mereka. Sayyid al Mahdi memerintahkan supaya hak milik mereka dijaga sehinggakan terbentuknya sebuah kawasan perkampungan hamba kulit hitam yang dimerdekakan. Rumah-rumah mereka ini terletak di celah-celah pohon kurma di wadi itu. Mereka bekerja kuat menanam sayur di ladang mereka di samping menjual buah kurma kepada Universiti. Mereka mengairkan ladang dengan menggunakan sistem tali air dan ampangan di mana sumber airnya di dapati dari mata air yang terdapat di bawah zawiyah.

Jaghbub adalah sebuah universiti yang sederhana dan tulen dengan masyarakatnya yang hidup bahagia di kelilingnya. Kutub khanahnya mempunyai 8000 naskah buku dan kampus itu mempunyai ramai alim ulamak yang bertaraf tinggi. Semuanya ini memberi galakan yang besar kepada pelajar-pelajar di situ.

Pada masa Sayyid al Mahdi menjadi ketua, jumlah pelajar yang terdapat di situ adalah seramai 300 orang. Kursus yang dijalankan termasuk mempelajari Quran, Hadith, Tafsir Quran, Syariah, Nahu Arab, sejarah dan mantik. Pengajarannya menyeluruh dan pelajar-pelajar mempunyai minat belajar yang tinggi dan kejujuran yang luhur. Pelajar-pelajar di Jaghbub juga dikehendaki memahirkan diri dalam beberapa kemahiran termasuk pertukangan kayu, pertukangan besi, pembinaan bangunan, menenun, membuat benang, membuat buku dan menganyam tikar. Pelajaran kemahiran ini dikhaskan pada hari Khamis dan Sayyid al Mahdi sama-sama bekerja dengan mereka. Ini menambahkan lagi semangat mereka.

Di hari Jumaat mereka berlatih dengan berbagai senaman dan latihan ketenteraan. Pelajar-pelajar menunggang kuda dan unta dengan Sayyid al Mahdi sendiri yang melatih mereka. Pelajar-pelajar tinggal dengan percuma saja. Ketua-ketua Sanusi memberi pemerhatian yang besar kepada bakal-bakal Sheikh dan pendakwah-pendakwah mereka. Pelajar-pelajar di Universiti Jaghubub menerima bekalan satu biji roti setiap hari. Mereka diberi kurma dan susu masam untuk sarapan pagi. Tengah hari dan malamnya mereka diberi roti dan sup kacang. Pada waktu petang teh dihidang. Setiap pelajar menerima tiap-tiap tahun dua pasang kasut. Tiap-tiap dua tahun sekali, sehelai baju luar yang dibuat dari bulu. Pelajar-pelajar yang berada biasanya memberi hadiah kepada pelajar-pelajar yang miskin. Bakal pemimpin harakah, Sheikh-Sheikh zawiyah, pendakwah-pendakwah dan panglima-panglima perang dilatih sendiri oleh Sayyid al Mahdi dengan pertolongan murid-muridnya yang dipercayai. Setiap zawiyah di kawal dengan 400 pucuk senapang dan 200 bilah pedang, disimpan dalam 20 bilik. Sayyid al Mahdi sendiri memiliki tidak lebih dari 50 pucuk senapang yang dijaga sendiri olehnya.

Di Jaghubub, terdapat sebuah kilang membuat ubat bedil sendiri. Masjid di sana besar, boleh memuat lima hingga enam ribu orang. Berwarna putih, senyap dan tersergam megah. Benda yang agak mewah di dalam masjid yang serba sederhana ini hanyalah permaidani hitam yang menutupi lantai. Terdapat berbaris-baris tiang besar yang digunakan untuk menampung palang-palang atap yang dibuat dari batang tamar. Masjid itu tidak banyak dihias. Mimbarnya ringkas bertuliskan ayat khat Qur'an, tidak dicat dan diukir. Ini semua sesuai dengan semangat mereka yang tidak ghairah kepada kemewahan. Sifat sederhana masjid itulah yang menjadi bahan tarikan. Oleh itu boleh dirumuskan bahawa zawiyah Sanusi mempunyai barbagai fungsi; ianya sekolah, pusat kebajikan, kubu, mahkamah, bank, store, rumah orang miskin, bilik mayat dan kubur. Terdapat juga alur yang mengalirkan air, rahmat kurniaan Allah." <sup>5</sup>

Sayyid al Mahdi dan ayahnya bolehlah dianggap ketua kepada sebuah negara merdeka yang mengamalkan semua tanggungjawab sebuah negara. Di kemuncak kejayaan pemerintahannya, Sayyid al Mahdi menjadi pemimpin kepada kawasan meliputi Libya, padang pasir Barat Mesir dan Barat daya Sudan yang penduduknya baru memeluk Islam dalam jumlah beribu-ribu. Sama dengan Gerakan Wahabi, kita dapati Gerakan Sanusi juga mendapat sokongan yang kuat dari orang Arab Badwi. Apabila mereka ini menunaikan ibadat haji, mereka mengambil peluang untuk memperkenalkan pergerakan mereka kepada para jemaah haji yang datang dari seluruh pelusuk dunia. Inilah sebabnya Gerakan Sanusi di kenali sampai ke Malaysia, Indonesia dan Filipina.

---

<sup>5</sup> Ibid, pp 107-16, abridged

Dalam tahun 1902, bala petaka menimpa. Perancis yang takut kepada perkembangan pengaruh Sanusi di tanah jajahannya telah membuat operasi ketenteraan besar-besaran di Afrika Tengah untuk menghancurkan Gerakan As Sanusi. Di tahun yang sama, Sayyid al Mahdi meninggal dunia. Anak lelakinya, Sayyid Muhammad al Idris yang berumur 12 tahun pada masa itu adalah terlalu muda untuk memikul tanggungjawab yang berat sebagai pengganti Sayyid al Mahdi. Itulah sebabnya Sayyid Ahmad Ash Sharif telah dipilih sebagai ketua. Beliau berumur 29 tahun. Diperanakan dalam tahun 1873 di Jaghbub, Sayyid Ahmad Ash Sharif menerima tunjuk ajar yang terus dari bapa saudaranya, As Sanusi.

Cabaran yang paling besar yang dihadapinya pada masa itu ialah penjajah Eropah. Selepas berjuang bermati-matian dalam tahun 1909, Gerakan Sanusi dikalahkan oleh Perancis yang bersenjata moden dan mempunyai tentera yang ramai. Dengan kekalahan itu kuasa politik Gerakan As Sanusi di Afrika Tengah hilang. Dalam bulan September 1911, Itali mengistiharkan perang ke atas Turki dan menghantar tenteranya bagi menawan dua buah kota penting Libya iaitu Tripoli dan Benghazi. Dengan seberapa segera Menteri Perang Turki, Anwar Pasha telah menggerakkan tenteranya ke sana. Sayyid Ahmad ash Sharif serta penglima perangnya dari beberapa puak Arab berperang bersama-sama tentera Turki. Anwar Pasha mengobarkan semangat Jihad di kalangan pengikut As Sanusi supaya berperang bermati-matian demi kepentingan agama Islam. Kerjasama di antara orang Islam Arab dan orang Islam Turki itu akhirnya berjaya mematahkan serangan Itali. Dengan tidak ada apa-apa amaran, tiba-tiba semua negara yang baru mencapai kemerdekaan di Balkan bersatu dan menyerang Turki dalam tahun 1911. Anwar Pasha takut kalau-kalau Turki dapat ditakluki. Akhirnya beliau membuat perjanjian damai dengan Itali. Anwar Pasha mengistiharkan Libya merdeka dan mengeluarkan semua tenteranya dari Libya. Gerakan Sanusi terpaksa menghadapi segala cabaran berseorangan.

Dalam tahun 1917, Sayyid Ahmad ash Sharif pergi ke Istanbul dengan kapal selam untuk mendapatkan pertolongan yang berkesan dari kerajaan Turki. Beliau mewakilkan kepimpinannya kepada sepupunya yang muda iaitu Sayyid Muhammad al Idris. Sayyid Ahmad ash Sharif tidak memperolehi apa-apa di Turki melainkan kehampaan dan kesedihan. Kerajaan Turki merasa takut kepada kemungkinan Sayyid Ahmad ash Sharif mengistiharkan dirinya sebagai Khalifah bagi dunia Islam dan Dinasti Arab menggantikan keluarga Uthmaniyyah. Sayyid Ahmad Ash Sharif tidak mempunyai langsung niat sedemikian. Beliau terpaksa menunggu di Turki hingga beberapa tahun. Keruntuhan Kerajaan Othmaniah pada tahun 1918 menghancurkan semua harapan Sayyid Ahmad Ash Sharif untuk pulang ke tanah airnya. Beliau tidak mahu tunduk kepada kesedihan. Beliau menyeberang ke tanah Anatolia,

bergabung tenaga dengan Mustafa Kamal Attaturk untuk berjuang menyelamatkan Turki dari kehancuran.

"Kita mestilah ingat bahawa dari awalnya, Islamlah yang memberi kekuatan kepada Turki untuk menghadapi sebarang cabaran. Dengan semangat Islamlah mereka telah mempertahankan diri pada saat-saat genting seperti peristiwa peperangan dengan Greek dan pihak bersekutu bergabung. Dengan menggunakan pengaruh akhlak dan aqidahnya, Sayyid Ahmad Ash Sharif menjelajah dengan tidak letih-letih ke segenap bandar dan kampung di Anatolia. Beliau mengajak orang kampung untuk menyokong 'Ghazi' atau 'pengawal agama Islam' - Mustafa Kamal.

Pengaruh As Sanusi dan keharuman namanya telah memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan pergerakan Mustafa Kamal di kalangan petani. Petani-petani ini tidak mempunyai apa-apa pengetahuan pun tentang bahayanya slogan-slogan nasionalis ini. Bagi mereka memberi nyawa kepada perjuangan Islam adalah satu perkara yang istimewa.

Selepas si 'Ghazi' Mustafa Kamal berjaya, jelaslah bahawa matlamatnya bercanggah dengan harapan orang-orang kampung terhadapnya. Revolusi sosialnya tidak lansung berlandaskan kepada konsep Islam yang mula hidup segar di kalangan masyarakat. Mustafa Kamal mengambil sikap menolak terus semua nilai Islam dari pembaharuannya padahal Islamlah yang telah menaikannya.' Ash Sharif merasa hampa dengan sikap Attaturk, lalu berhijrah ke Damsyik dalam tahun 1923.

Walaupun beliau menentang dasar dalam negeri yang dibuat oleh Kamal Attaturk, beliau masih lagi memujuk Syria untuk bergabung dengan Turki atas dasar kesatuan Ummat Islam. Kerajaan Perancis merasa kurang senang dengan aktiviti Sayyid Ahmad ash Sharif. Dalam tahun 1924, merasai bahawa penangkapan terhadapnya sudah hampir, beliau telah menyeberangi padang pasir Arabia menuju ke Mekkah. Di sana beliau disambut dengan mesra oleh Raja Ibn Saud".<sup>6</sup>

Sementara itu di Cyrenaica, Gerakan Sanusi di bawah pimpinan Sayyid Muhammad Idris dan Umar al Mukhtar telah melancarkan JIHAD untuk mempertahankan diri dari kekejaman tentera Mussolini, Diktator Fasis Itali.

" Bagi Umar al Mukhtar, Singa Cyrenaica, yang meningkat 70 tahun itu tidak menjadi masalah bagi terus berjuang hingga ke akhir hayatnya. Selama 10 tahun Umar al Mukhtar menjadi jantung kepada Gerakan Sanusi dalam penentangan

---

<sup>6</sup> The road to Mecca, Muhammad Asad op. cii., hal. 319-320.

terhadap Itali dalam semua keadaan. Tentera Itali berjumlah 10 kali ganda dari tentera Umar al Mukhtar. Mereka bersenjatakan senapang moden dan meriam moden. Umar al Mukhtar dan mujahiddinnya tidak mempunyai apa-apa melainkan senapang dan beberapa ekor kuda. Dalam keadaan separuh lapar mereka berjuang secara peperangan gerila dan akibatnya negara mereka ditukar menjadi sebuah penjara. Kapal terbang penyiasat digunakan oleh Itali untuk mengesan khemah-khemah puak Arab di padang pasir. Sementara itu mereka memuntahkan peluru ke atas khemah tersebut untuk mengelakkan penghuninya melepaskan diri. Kereta kebal dihantar ke khemah itu dan membunuh sekalian penghuninya tidak kira lelaki, perempuan atau kanak-kanak. Binatang dan manusia yang ditawan akan di heret dan di kurung di dalam penjara kawat berduri yang luas terletak di tepi pantai. Di akhir 1930, 80,000 orang Badwi dan beberapa ratus ribu binatang ternakan telah di sumbat ke dalam penjara tersebut dengan bekalan makanan yang cukup hanya untuk separuh dari jumlah orang tawanan. Akhirnya seorang demi seorang mati akibat kebuluran dan penyakit."<sup>7</sup>

Di bawah ini ialah keadaan sedih yang diceritakan oleh Muhammad Asad:

*"Sebelum fajar menyingsing, jauh di dalam jajahan taklukan Itali, kami sampai di khemah besar kumpulan Gurila Islam Umar at Mukhtar. Pada masa itu, beliau mempunyai 200 orang mujahiddin. Khemah itu terlindung dalam jurang yang dalam. Beberapa tempat api dinyalakan di bawah lindungan anjuran batu, Sebahagian dari mujahiddin berehat tidur. Sebahagian yang lain sibuk dengan tugas mereka bergerak dalam kesamaran subuh. Ada yang membuat kerja perkhemahan, mencuci senjata, mengambil air, memasak dan menjaga kuda-kuda yang tertambat di pokok-pokok kayu di sana sini. Mereka kelihatan berpakaian buruk. Ramai di antara mereka berbalut dengan bandage, menunjukkan mereka baru saja bertempur dengan musuh. Terkejut sekali saya apabila saya dapati dua orang perempuan tinggal di khemah itu. Seorang tua dan yang seorang lagi muda. Mereka berdua duduk dekat api dan sedang tekun menjahit pelana dengan jarum kasar. 'Kedua-dua adik kami ini mengikuti kami ke mana saja kami pergi' Sidi Umar menjawab tanda tanyaku, 'Mereka tidak mahu mencari perlindungan di Mesir bersama wanita dan anak-anak kami. Mereka ini adalah ibu dan anak. Sekeliam orang lelaki mereka sudah SYAHID '. Dengan satu isyarat, Sidi Umar menyuruh salah seorang dari orangnya rapat. 'Biar orang ini yang memberitahu kepadamu. Dia baru sampai kelmarin.'*

*"Orang yang datang dari Kufra itu duduk mencangkung di depanku dan menarik selimutnya menyelimuti tubuhnya. Dia bercakap perlahan dengan tidak kelihatan perubahan emosi, tetapi wajahnya jelas menampakkan kekejaman yang telah disaksikannya'".*

*"Mereka datang kepada kami dalam tiga kumpulan dari tiga penjuru dengan kereta kebal dan meriam berat. Kapal terbang mereka turun rendah dan mengebom rumah-rumah,*

---

<sup>7</sup> Ibid pp 320-323.

*masjid-masjid dan pohon-pohon kurma. Di antara kami hanya terdapat beberapa orang saja yang dapat memikul senjata. Yang lainnya wanita, orang tua dan kanak-kanak. Kami mempertahankan sebuah rumah demi sebuah rumah tetapi mereka terlalu kuat untuk dikalahkan. Senapang kami tidak dapat menjejaskan langsung kereta kebal mereka dan akhirnya kami dikalahkan. Hanya sebahagian kecil dari kami yang dapat melarikan diri. Saya menyembunyikan diri di celah pohon-pohon kurma sementara menunggu peluang untuk menembusi garisan penyerang Itali. Sepanjang malam itu, saya mendengar tidak henti-henti jeritan muslimat-muslimat kita yang dirogol oleh tentera Itali dan tentera upahan Eritrea. Pada keesokan harinya, seorang perempuan tua datang ke tempat persembunyian saya membawa roti dan air. Dia memberitahu saya, seorang General Itali telah mengumpulkan mereka di depan kubur Sayyid al Mahdi dan mengoyak Qur'an di depan mata mereka. Dia melempar Qur'an ke tanah dan memijaknya seraya berkata 'Panggillah Rasul Badwi mu untuk menolong mu jika dia mampu.' Dia memerintah semua pokok di tebang dan telaga air dirosakkan. Semua buku Sayyid al Mahdi dalam kutub khanah dikumpul dan dibakar. General itu mengarahkan supaya ulamak-ulamak dan orang tua dimuatkan dalam kapal terbang dan diterbangkan ke udara. Selepas itu mereka ditolak keluar, jatuh terhempas ke tanah, mati. Pada malam keduanya pula, saya mendengar lagi suara muslimat menjerit tidak terdaya akibat diperkosa oleh askar Itali dan Eritrea. Suara getak ketawa askar-askar dan bunyi senapang memenuhi malam. Akhirnya saya merayap keluar ke padang pasir dalam kegelapan malam. Saya menjumpai seekor unta dan terus menggunakan unta itu.<sup>8</sup>*

Di akhir tahun 1932, Gerakan Sanusi telah dipatahkan dan seluruh Libya ditakluki oleh Itali.

Muhammad Asad menambah lagi:

*"Sebaik saja saya melangkah ke dalam zawiyah Sanusi di Madinah, gema maut dan kesedihan menyelubungi fikiranku. Ia meninggalkan luka yang pedih di hati. Sekali lagi saya berdiri di hadapan ketua Gerakan Sanusi dan melihat kepahitan yang terukir di dahi pahlawan tua itu. Saya mencium tangannya, tangan yang telah begitu lama memegang pedang.*

*"Insya Allah, Allah akan merahmati kamu dan memberi kamu keselamatan dalam perjalanan. Sudah lebih dari satu tahun kita berpisah dan tahun inilah yang menemukan kita kembali. Puji-pujian kepada Allah dengan apa yang dikurniakannya."*

Tahun ini adalah tahun yang paling sedih bagi Sayyid Ahmad . Pipinya sudah cengkung dan nada suaranya lebih rendah dari biasa. Burung helang tua itu sudah hilang kekuatannya. Beliau duduk bersila di atas sejadah dengan berselimutkan serban putih untuk memanaskan tubuhnya. Matanya melihat jauh ke hadapan.

*Kalaulah kita dapat menyelamatkan Umar al Mukhtar, bisiknya. Kalau kita dapat memujuknya lari ke Mesir', sambungnyalagi.*

---


<sup>8</sup> Ibid hal. 336-9

*Tidak siapa yang dapat menyelamatkan Sidi Umar' aku memujuknya. Dia tidak mahu diselamatkan. Dia rela mati kalau tidak mendapat kejayaan. Saya tahu benar perkara int dimasa saya berpisah dengannya,' ujarku.*

Sayyid Ahmad mengangguk dengan bersungguh-sungguh: “*saya tahu itu, pada masa itu keadaan sudah terlewat. Saya merasa bersalah kerana menyambut panggilan Turki 17 tahun dahulu. Tapi, apakan daya, Khalifah Islam sendiri yang memanggilku. Hanya Allah saja yang mengetahui betul atau salah apabila seseorang itu mengikut rasa hati kecilnya.*

Sayyid Ahmad menggeleng-gelengkan kepala tanda menyesal. Bola matanya telah mula ditutupi oleh kelopak matanya yang telah hampir jatuh akibat tua. Aku merasakan api perjuangan mereka sudah tidak menyala lagi. (Ibid pp 342-343.)

Sayyid Ahmad as-Sanusi meninggal dunia pada tahun 1933 di Madinah.



## SHEHU UTHMAN DAN FODIO

### **SHEHU UTHMAN DAN FODIO**

---

Setiap kali berlakunya peristiwa kritikal dalam sejarah, maka ulamak besar ditakdirkan bangkit untuk membentuk perjalanan sejarah. Walaupun jasa mereka tidak dapat mempengaruhi keseluruhan perjalanan sejarah Islam, namun mereka tetap meneranginya dan menentukan arah perjalanan sesuatu peristiwa besar itu. Jasa Shehu Uthman dan Fodio (1754 -1817) adalah penting dalam usaha menegakkan Khalifah SOKOTO pada awal abad ke 19 yang disokong oleh puak Hausa-Fulani. Kawasan itu sekarang termasuk Nigeria Utara dan kawasan sekitarnya. Uthman dan Fodio adalah Mujaddid abad dulu yang kesan jasanya lebih mempengaruhi daerahnya. Walaupun aktivitiya lebih tertumpu di kalangan Ummat Islam di Nigeria, tetapi pengaruhnya dirasai di seluruh Barat Afrika.

Beliau diperanakkan di Murata dalam bulan Disember 1754, Uthman dan Fodio datang dari puak Fulani. Beliau berhijrah dari Senegal dan tinggal di Kwani, ibu negara Gobir. Gobir ialah nama sebuah negeri di Hausa. Sedikit saja yang diketahui tentang Uthman dan Fodio semasa kanak-kanak. Beliau mendapat pendidikan dalam bentuk menghafal Al-Qur'an, membaca dan menulis Arab, menterjemah Quran dalam bahasa ibundanya, dan mempelajari tentang Hadith. Beliau mempelajari juga tentang Syariah, nahu bahasa Arab dan ilmu matematik.

Pada masa itu, pelajar-pelajar biasanya berada di bawah jagaan seorang guru dan berpindah dari satu guru ke satu guru yang lain untuk mendalami cabang-cabang ilmu khas. Di akhir pengajian, seseorang itu akan dianugerahkan ijazah oleh gurunya. Ijazah itu berfungsi sebagai surat rasmi, diiktiraf untuk mengajar cabang ilmunya kepada orang lain. Uthman dan Fodio belajar membaca Qur'an dari bapanya. Di samping itu beliau belajar beberapa ilmu Islam dari beberapa ulamak terkenal yang terdapat di situ.

Di antara gurunya yang banyak mempengaruhinya ialah Jibril bin Umar. Walaupun mereka bersahabat hanya selama satu tahun, pengaruh Jibril tertanam begitu kuat di dalam pemikiran Uthman dan Fodio. Sebelum Jibril menjadi guru kepada Uthman, Jibril telah mengerjakan Haji. Semasa di Makkah beliau menghubungi Gerakan Wahabi yang telah ditubuhkan di Semenanjung Arab dalam tahun 1740. Beliau telah mempelajari dengan teliti kesan Gerakan Wahabi terhadap masyarakat Arab. Apabila Jibril pergi menunaikan haji kali kedua, Gerakan Wahabi mencapai zaman kemuncak; ia dapat menubuhkan negara buat pertama kalinya di Arabia. Jibril mendapati bahawa Gerakan Wahabi bertujuan untuk membentuk Ummat Islam kearah kebaikan dan menjaga ketulenan agama Islam. Sepulangnya dari Arabia, beliau telah menghuraikan kepada Uthman dan Fodio berkenaan dengan Gerakan Wahabi dan perjalanannya. Beliau memberi semangat kepada Uthman dan Fodio supaya bergerak bersama-samanya untuk mengubah keadaan masyarakat. Jibril dan Uthman menyedari bahawa terdapat banyak istiadat khurafat yang diamalkan di Hausaland. Mereka menganggap adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menghapuskannya. Di sinilah munculnya Uthman dan Fodio sebagai seorang mujaddid.

Semenjak umurnya masih muda lagi, Uthman dan Fodio mempunyai sifat yang cemerlang dan kecerdikan yang luar biasa. Apabila usianya meningkat dewasa, Uthman dan Fodio menjadi seorang ahli pidato yang bijak. Uthman dan Fodio mula mengajar dan berdakwah pada umur yang hanya 20 tahun. Setiap hari Jumaat beliau berceramah kepada orang kampung dalam bahasa ibundanya. Pada hari-hari yang lain beliau mengajar muridnya dengan ilmu Islam (tafsir, hadith, fiqh dan lain-lain). Masalah besar yang menyelubungi fikiran Shehu pada masa itu ialah:

1. Sikap ulamak yang ta'sub dan mengikut membuta tuli Mazhab Maliki. Beliau lebih setuju pada cara ijihad oleh mereka yang berkeelayakan berijtihad.
2. Orang yang memperalatkan ajaran Sufi untuk menipu orang kampung bagi mendapat keuntungan kepada diri sendiri. Mereka yang bertopengkan 'wali' ini mengaku dapat meramalkan perkara yang belum berlaku, membuat keramat dan menggunakan ilmu batin yang luar biasa.
3. Kekurangan ilmu Islam di kalangan orang kampung yang miskin. Beliau tidak menentang Sufi seperti yang dilakukan oleh Wahabi. Beliau hanya menentang ajaran Sufi yang disalahgunakan dan mempunyai kemungkinan kepada keterlaluan. Walaupun beliau menjadi salah seorang ahli Tarekat Qadiriyyah, beliau tidak pernah mengaku bahawa beliau mempunyai kuasa batin. Apa yang diajar oleh beliau lebih hampir kepada ajaran Sunni yang tulen berbandingkan dengan ajaran Sufi. Tarekat Qadariyahlah yang telah berjaya mengislamkan puak Hausa dan Fulani empat kurun dahulu.

Beliau dengan beraninya menegur ulamak-ulamak yang mementingkan kekayaan dalam usaha untuk mengekalkan kerajaan yang ada dan menjaga

kepentingan mereka. Mereka telah menghalalkan kejahatan dalam pemerintahan, adat-adat kufur dan berjenis-jenis maksiat atas alasan adat dan kebudayaan. Shehu Uthman dan Fodio telah menulis 50 buah buku untuk berdebat dengan ulamak-ulamak ini. Walaupun beliau selalu menang dalam perdebatan, beliau diseksa dan dihina oleh mereka. Ulamak-ulamak ini menuduh Uthman dan Fodio KAFIR, MUNAFIK dan menipu orang kampung. Uthman terus istiqamah dalam dakwahnya sehingga sebahagian dari ulamak tempatan menyokongnya.

Sebahagian besar dari orang kampung tidak mengetahui tentang prinsip-prinsip aqidah Islam. Sedikit sangat dari mereka yang pandai sembahyang dan puasa dengan betul. Di dalam dakwahnya, Shehu Uthman dan Fodio mengajar orang kampung cara-cara menunaikan ibadat wajib seperti salat, zakat, puasa, haji dan Jihad dalam bahasa Fulani dan Hausa. Walaupun Shehu Uthman dan Fodio menggunakan bahasa Arab di dalam penulisan, pengajian dan pengajarannya kepada ulamak dan cerdik pandai, beliau menggunakan bahasa kampung 'Hausa' dan Fulani' untuk mendakwah orang kampung. Yang istimewa, sajak-sajaknya dalam bahasa Fulani telah menjadi alat yang berkesan untuk menyampaikan fikirannya kepada orang kampung. Walau pun sebahagian besar dari sajaknya itu selamat disimpan sampai sekarang, malangnya ianya tidak dipelajari dan tidak diberi perhatian sepatutnya. Anak Shehu, Muhammad Bello menggambarkan dengan terang tentang khutbah yang diberi oleh Uthman dan Fodio dalam bukunya Infaq ul Mansuri:

*"Saya telah melihat lebih dari sekali bagaimana Uthman dan Fodio berdiri sekejap dipenjuru rumahnya dan mengatakan sesuatu kepada dirinya sebelum dia pergi berceramah kepada orang kampung. Apabila ditanya tentang apa yang diucapkannya, beliau menjawab, 'Saya menguatkan iman saya dan bersumpah kepada Allah bahawa saya akan bersikap ikhlas di dalam apa yang saya akan ucapkan kepada orang kampung nanti. Saya juga berdoa kepada Allah supaya mereka yang hadir dapat memahami dan meneliti apa yang saya cakap. Apabila berhadapan dengan orang kampung Uthman dan Fodio memberi salam kepada mereka dengan suara yang kuat yang dapat didengar oleh semua orang. Apabila beliau duduk di atas mimbar, beliau akan memberi salam tiga kali dengan beradab dan lemah lembut. Selepas itu beliau menyuruh orang kampung supaya mendengar. Beliau tidak menunjukkan sikap bosan atau marah apabila terdapat orang kampung yang tidak mendengar dan tidak berhenti-henti menanyakan soalan walaupun sudah disuruh berhenti dan senyap. Kemudian beliau akan memberi ucapannya dengan suara yang kuat, tidak menghalakan kepada orang-orang tertentu dan mukanya tidak gentar walaupun di hadapannya terdapat Sheikh Besar dan ulamak-ulamak yang memusuhinya. Beliau menyentuh semua perkara yang memberi manfaat kepada pendengar tidak mengira apakah akibat yang akan menimpa dirinya apabila dia mengemukakan pandangan dan pendapatnya yang keras itu. Apabila terdapat soalan yang ditanya di tengah-tengah ceramahnya, beliau akan berhenti dan menjawab soalan itu. Beliau sangat tegas dalam soal agama, tidak berganjak langsung dari jalan Allah*

*dengan sebab sesiapa pun. Beliau adil dan tidak tersinggung apa-apa apabila disoal oleh musuh-musuhnya dan orang-orang jahil, walaupun tentang hal diri sendiri atau keluarganya. Uthman dan Fodio adalah seorang yang istiqamah dan tidak bertolak ansur langsung dalam masalah kebenaran.*

Uthman dan Fodio anaknya Muhammad Bello yang menjadi penggantinya berkeyakinan bahawa semua lelaki dan perempuan dari semua peringkat hidup mestilah disampaikan Islam kepada mereka dan mereka hendaklah diberitahu tentang kepentingan menukar keadaan politik dan sosial yang ada. Menurut mereka, pendakwah itu mestilah mempunyai tiga sifat:

1. Mereka mestilah berilmu.
2. Syarahan mereka mestilah lancar dan dapat mempengaruhi orang.
3. Mereka mestilah sabar, beristiqamah dan berakhlak baik.

Pada satu hari raya, Sultan Gobir telah menjemput alim ulamak ke istananya dan memberi hadiah kepada mereka. Semua ulamak lain menerima hadiah itu kecuali Uthman dan Fodio. Beliau meminta dari Sultan lima perkara:

1. Mengizinkannya untuk mendakwah orang dalam negeri kepada Islam.
2. Jangan menahan sesiapa yang ingin mengikuti ajaran yang disampaikan olehnya.
3. Memberi kehormatan kepada mereka yang memakai serban.
4. Membebaskan semua tahanan politik.
5. Jangan membebankan orang kampung dengan cukai yang berat.

Sultan Biwa menerima desakan tersebut dan Uthman dan Fodio terus menjalankan dakwahnya. Dalam jangka masa 18 tahun berdakwah, beliau telah mendapat pengikut dan penyokong yang ramai. Kejayaan ini telah menakutkan Sultan Nafata iaitu Sultan yang menggantikan Sultan Biwa apabila baginda mangkat, Sultan Nafata sangatlah memusuhi Uthman dan dakwahnya serta mengugut akan menghancurkan jemaah Uthman dan Fodio. Sultan Nafata telah mengeluarkan undang-undang seperti berikut:

1. Tidak seorang, pun boleh terus memeluk agama melainkan ia diperanakkan sebagai orang Islam.
2. Semua mereka yang baru masuk agama Islam mestilah murtad kepada agama Kafir mereka.
3. Lelaki diharamkan memakai serban dan perempuan diharamkan menutup aurat mereka.
4. Tidak seorang lain pun yang dibenarkan mendakwah melainkan Uthman dan Fodio.

Pada peringkat awalnya, Shehu cuba mengelakkan diri dari berdepan terus dengan pemerintah dan tidak berapa berfikir untuk menggulingkan

kerajaan tetapi penyiksaan-penyiksaan yang telah dikenakan keatas orang Islam itu menukar fikirannya. Adiknya, Abdallah menulis:

*"Apabila Sheikh Uthman dan Fodio melihat ramai pengikut-pengikut dan penyokong-penyokongnya mempunyai semangat yang tinggi untuk merdeka dari pemerintah kuffar dan melancarkan jihad, beliau telah menggalakkan mereka untuk menyimpan senjata dan berkata "Sesungguhnya, menyimpan senjata untuk persediaan (perang Sabillillah) adalah Sunnah, Kami pun mula menyimpan senjata dan Uthman dan Fodio mula berdoa kepada Allah supaya Allah memberi kekuasaan kepada Islam untuk memerintah Afrika."*

Asas bagi perjuangan jihad Shehu Uthman dan Fodio dibentang dengan terang dalam buku Musa'ul Muhima yang ditulis olehnya, setahun sebelum berhijrah ke Gudu. Di dalam buku itu, Uthman dan Fodio memberi sebab yang penting tentang mengapa beliau melancarkan jihad melawan kerajaan.

1. Asas kepercayaan dalam Islam ialah menghukum dengan hukum Allah.
2. Adalah menjadi wajib bagi setiap orang Islam untuk mengikut Imam atau Khalifah.
3. Hijrah dari negara yang tidak memerintah dengan hukum Allah kepada negara Islam adalah wajib bagi mereka yang terdaya.
4. Jihad melawan orang kafir dan orang-orang yang bertolak ansur dengan kekafiran adalah wajib.
5. Sesiapa yang menolong orang kafir hendaklah dianggap sebagai kafir.

Uthman dan Fodio tidak menganggap Hausa sebagai sebuah negara Islam kerana negara itu tidak menghukum dengan hukum Allah. Sultannya adalah bukan Imam atau Khalifah yang sah kerana mereka tidak dilantik oleh masyarakat Islam. Negara itu adalah negara kufar dan oleh itu berhijrah dari negara itu ke negara Islam adalah wajib. Ulamak di situ ada juga yang menjadi kafir kerana mereka bertolak ansur dengan kekafiran dan mereka bersahabat dengan orang kafir demi kepentingan diri sendiri. Sultan Hausa boleh dianggap tidak beza dengan orang kafir kerana beliau mencampur adukkan Islam dengan kekafiran. (that the Hausa rulers had to be classed with the unbelievers because they mixed Islam with paganism.)

Di dalam bukunya, Tanbih al Ikhwan beliau berkata:

*"Sultan-sultan Hausa adalah terang-terang kufur walaupun mereka mengaku diri mereka sebagai seorang Islam. Mereka tidak mahu menurut jalan Allah dan mereka menaikkan bendera kepentingan diri sendiri mengatasi bendera Islam."*

Dalam tahun 1804, selepas berhijrah dari Degel ke Gudu, Shehu mula bersedia untuk melancarkan jihad. Sultan Yunfa, pengganti Sultan Nafata menyerang jemaah Uthman dan Fodio tetapi tentera mereka telah dikepung dan

dikalahkan. Akhirnya dalam tahun 1810, berlakulah perang jihad fi sabillillah di seluruh negara Hausa. Uthman dan Fodio dan pengikutnya telah dapat menawan, boleh dikatakan, seluruh negara Hausa. Pada tahun itu juga beliau bergerak ke Sifawa. Di sanalah beliau menghabiskan umurnya yang masih tinggal setahun itu. Beliau telah melantik adiknya Abdallah untuk menjaga kawasan timur dan anaknya Muhammad Bello menjaga di sebelah barat. Ibu negara Daulah Islamiah itu ialah Sokoto yang terletak di sebelah barat. Kedua-dua kawasan itu terus dengan cara pertadbiran sedemikian apabila pewaris-pewaris Uthman memerintah. Ini berterusan sehingga British menawan seluruh Negeria Utara dan mengisytiharkannya sebagai naungan British dalam tahun 1900.

Muhammad Bello, anak Uthman, menyambung usaha ayahnya dan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan negara itu sebuah negara Islam yang sempurna. Di dalam bukunya, bertajuk 'Usul', beliau bersetuju dengan bapanya dan menulis:

*"Salah satu dari asas Islam ialah keadilan. Imam, mestilah memerintah rakyatnya dengan adil. Kemajuan tidak akan tercapai tanpa keadilan dan keadilanlah asas kepada kemajuan yang sebenar.*

*Benda yang paling dibenci dan jauh dari Allah ialah pemerintah yang zalim. Sesiapa yang membuat kezaliman akan dikutuk Allah. Pemerintah yang zalim tidak akan mendapat syafaat dari Nabi Muhammad S.A.W. Memberi kuasa kepada mereka yang tidak layak memerintah adalah zalim "*

Shehu Uthman dan Fodio menulis semua 115 buah bukunya dalam bahasa Arab. Adiknya, Abdallah menulis tidak kurang dari 100 buah buku dalam bahasa Arab berkenaan politik, undang-undang, sufi dan eulogi. Uthman menulis sebuah tafsir Quran yang mashur bernama 'Diyaul Tawil' dalam empat jilid. Muhammad Bello menulis tidak kurang dari 80 buah buku dalam bahasa Arab termasuk Infaq ul Mansuri yang menyentuh tentang sejarah pergerakan jihad ayahnya dan gerakan jihad yang lain di Sudan Barat. Beliau juga menulis buku 'Usul ul Siyasa'. Ini bermakna taraf pembacaan dan ilmu pada masa itu di Afrika Barat adalah tinggi kalau dibandingkan dengan keadaan pada hari ini. Oleh kerana tulisan beliau adalah dalam bahasa Arab, ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai pembaca yang ramai memahami bahasa Arab.

Uthman telah dikritik oleh orang tentang menggalakkan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan atas alasan beliau membiarkan wanita menghadiri ceramahnya. Uthman menjawab, dia menganggap kejahilan adalah lebih buruk dari pergaulan lelaki dan perempuan. Di samping itu beliau menegaskan bahawa Muslimat yang menghadiri ceramahnya menutupi aurat dan duduk terpisah dari lelaki.

Di dalam bukunya, Masa'il al Muhima, Shehu mengakhiri tulisannya dengan menjelaskan tentang kedudukan ulamak dan cerdik pandai Islam dalam Daulah Islamiah. Beliau memberi pesan kepada ulamak supaya jangan bergantung kepada orang kuat dan orang kaya di dunia ini. Beliau berkata:

*"Alim ulamak mestilah jangan meminta sedekah dipintu orang tetapi orang lainlah yang patut datang ke pintu rumahnya. Ini adalah kerana, ulamak dapat memenuhi hasrat dirinya dan orang ramai dengan cara memisahkan diri mereka dari orang kaya dan orang berkuasa. Ulamak yang sebenarnya tidak akan melawat rumah orang kaya atau orang kuat walau dengan apa alasan sekalipun. Mereka mestilah menumpukan sepenuh masanya untuk menolong masyarakatnya dengan semangat dari Allahlah semuanya datang dan kepadaNya lah semuanya akan kembali.*

Buku Shehu Uthman dan Fodio yang paling penting ialah Ihya al Sunnah wa Ikhmad al Bida yang ditulis dengan tangan dalam bahasa Arab yang baik.

*"Biarlah pengkritik buku ini mengerti bahawa tujuan buku ini ialah untuk mengembalikan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan menghapuskan istiadat syaitan dari ajaran bukan Islam. Tujuan saya bukanlah untuk mencari kesalahan orang atau menghina orang. Sesiapa yang mencari-cari kelemahan orang, maka Allah akan mendedahkan kelemahannya sehingga semua orang tahu walaupun ia menyembunyikannya di tengah-tengah rumahnya. Mukmin yang sejati meminta ampun dari Allah sementara orang munafiq suka mencari-cari kesalahan orang dan mengumpat. Allah menolong hanya orang-orang yang menolong saudara seislamnya.*

Ihya al Sunna wa Ikhmad al Bida terang-terang tidak ditulis untuk orang-orang jahil, tak tahu membaca atau orang yang baru masuk Islam. Pengarang telah menganggap bahawa pembaca buku itu telah biasa dengan asas ajaran Islam. Contohnya, dalam buku ini, pengarang tidak mengajar tentang bagaimana hendak mengerjakan ibadat seperti puasa, zakat dan haji. Matlamatnya ialah untuk memberitahu kepada pembaca tentang amalan yang patut mereka pegang dan adat kufur yang patut mereka buang.

*"Adalah menjadi wajib keatas setiap orang Islam untuk memulakan dengan dirinya dalam mengerjakan perkara-perkara wajib dan menjauhkan yang munkar. Selepas itu mereka mestilah mengajarnya kepada keluarganya dan kerabatnya. Seterusnya mereka mestilah mengajarnya kepada jirannya, orang kampungnya, orang-orang bandar, orang yang tinggal di persekitaran bandar dan seterusnya ke seluruh pelusuk dunia. Ini perlu dilakukan melainkan telah tertegaknya pemerintah Islam di muka bumi ini atau telah terdapat orang yang menjalankan dakwah di seluruh dunia. Inilah tanggungjawab yang penting bagi setiap orang yang ingin memberi hidup dan matinya untuk menyebarkan Islam".*

Beliau menamatkan buku *Ihya al Sunna wa Ikmad al Bida* dengan cogankata:

*Berpegang teguhlah, jangan mereka reka  
Berendah dirilah, jangan sombong angkuh.  
Berhati hatilah, jangan tolak ansur.*

Penjajah British pada mulanya berpura-pura datang sebagai peniaga dan menipu Amir dengan mengaku bahawa mereka adalah peniaga yang aman yang datang untuk berniaga bukan untuk tujuan-tujuan lain. Di bahagian selatan, di mana penduduknya terdiri dari orang-orang bukan Islam, mereka mendirikan sekolah-sekolah Kristian dan hospital-hospital. Selepas itu, mereka menguatkan kedudukan mereka dan merampas semua kawasan selatan. Ini diikuti pula dengan penguasaan bahagian utara. Mujahiddin Islam berjihad bermati-matian dan beribu-ribu syahid demi mempertahankan negara Islam. Mereka menghadapi senapang British tanpa gentar dan menyambut kematian dengan gembira.

Selepas penaklukan British, orang Islam di Nigeria semakin lemah dalam penentangan mereka terhadap British tetapi mereka tetap menentang walaupun dengan cara senyap-senyap. Mereka enggan menghayati kebudayaan Eropah demi menjaga cara hidup Islam mereka. Di zaman penjajahan British mereka terus mengekalkan kelas Qur'an dan mahkamah Syariah. Amir tiap-tiap puak masih terus mempunyai kuasa ke atas orang-orangnya.

Selepas Nigeria mendapat kemerdekaan, Ahmadu Bello, cicit kepada Uthman dan Fodio menjadi Presiden pertama. Beliau mendirikan banyak masjid dan mengemaskan kekuatan Islam dalam politik dan kebudayaan sehingga beliau dibunuh dalam tahun 1966 dengan pertolongan Zionist dan paderi-paderi Kristian. Nigeria diperintah oleh musuh-musuh Islam selama 9 tahun selepas pembunuhan itu. Nigeria mengalami huru-hara dan perang saudara sehingga General Murtala mengambil alih kuasa melalui rampasan kuasa dalam bulan Julai 1976. Dalam masa 7 bulan saja, General Murtala dapat memperbaiki keadaan dan menyusun semula undang-undang Syariah serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyatnya. Musuh-musuh Islam takut kalau-kalau Nigeria menjadi negara Islam. Dengan pertolongan Amerika dan British, mereka telah membunuh General Murtala.

Kematian General Murtala membuka mata Ummat Islam di Nigeria. Hari demi hari mereka mula cinta kepada Islam. Mereka menolak terus sistem pendidikan sekular yang ada di Nigeria, sehinggakan orang yang buta huruf tahu bahawa dasar pendidikan sekular berasaskan materialisma dan mempunyai nilai akhlak yang rendah. Yang menguntungkan lagi, mereka yang berpendidikan barat dan menyandang kedudukan tinggi dalam perkhidmatan

awam, universiti dan politik tidak dapat dikelabui oleh kemewahan barat dan terus setia kepada Islam serta kebudayaannya. Orang Islam Nigeria terus memakai baju tradisionalnya dan enggan mengamalkan undang-undang barat dalam hidup seharian mereka.

Ini tidak bermakna semua keadaan adalah beres. Kejahilan buta huruf adalah meluas. Ini adalah kesan dari percubaan penjajah untuk menghapuskan Islam melalui sistem pendidikan. Ulamak kampung telah gagal untuk menghadapi cabaran ini dengan berkesan. Pada mulanya mereka mengharapkan pertolongan dari negara Arab tetapi akhirnya mereka merasakan mereka telah dikecewakan. Sekarang mereka tidak memerlukan itu semua. Mereka sudah sanggup berdiri di atas kaki sendiri.

Di dalam penentangannya terhadap penjajahan British, musuh-musuh Islam dan musuh-musuh Ummat Islam, Uthman dan Fodio bukan saja berjaya mempengaruhi Ummat Islam di Afrika Barat malah Mahdi di Sudan pun mengambil inspirasi dari perjuangannya. Mahdi telah memberi perhatian yang tinggi kepada tulisan Uthman dan Fodio. Perjuangan Uthman dan Fodio jugal memberi kesan yang langsung kepada Gerakan Jihad Muhammad Ahmad yang menentang penjajah British di Sudan dari tahun 1885-1899.

Seperti pengikut-pengikut Shehu Uthman dan Fodio, Ummat Islam yang berjuang di Nigeria berkeyakinan bahawa jihad adalah satu perkara yang tidak mustahil berlaku di sana. Masa saja akan menentukannya. Bagi mereka, musuh-musuh Islam di sana tidak mungkin dapat diruntuhkan melalui cara damai.

Sebagai seorang ketua, pentadbir dan ketua negara Shehu adalah seorang yang bijaksana, berfikiran waras, jauh pengkajian dan berdiplomasi. Di sisi pengikutnya beliau dianggap sebagai Mujaddid, Mujahid dan Mahdi. Hari ini, Ummat Islam telah mengambil inspirasi dari Uthman dan Fodio dan Khalifah Sokoto untuk meledakkan satu lagi kebangkitan Islam di Nigeria.



## MAHDI DI SUDAN

### MAHDI DI SUDAN

---

Selepas berabad-abad lamanya pelayar-pelayar Eropah membuat pelayaran ke negara-negara asing, akhirnya dua abad terakhir hingga ke kurun ke 19 telah bertukar menjadi abad penjajahan bagi benua Afrika. Umat Islam seluruhnya dapat melihat betapa rakusnya penjajahan British, Perancis dan juga Itali berebut-rebut antara satu sama lain untuk menakluki. Pada masa itu Sudan berada di bawah kekuasaan Mesir. Dalam usaha untuk memodenkan Mesir, Khadawi Ismail membelanjakan kesemua wang negara dan akibatnya negara mengalami bankrup (muflis). Di bawah pimpinan Lord Cromer, England mula campur tangan dan menakluki Mesir. Khadawi Ismail diganti oleh anak lelakinya yang juga lemah bernama Taufik. Dia tidak lebih dari seorang boneka British. Pihak pentadbir Mesir melayani orang Sudan seperti orang asing dan mengenakan cukai yang seberat-beratnya ke atas mereka. Setiap pegawai kerajaan dikenali ramai sebagai pemakan rasuah dan pemecah amanah. Di tengah keadaan tidak puas hati dan kezaliman inilah munculnya seorang pemimpin yang diiktiraf di mata dunia, mempunyai sifat-sifat menonjol untuk menjadi ketua umat Islam di Sudan. Beliau ialah Muhammad Ahmad al-Mahdi.

Muhammad Ahmad mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi pada tahun 1881, ketika beliau berumur 37 tahun. Beliau diperanakkan pada 12 haribulan Ogos 1844, di Dongola. Keluarganya adalah keturunan Nabi Muhammad s.a.w. Bapanya ialah Abdullah, seorang pembuat kapal. Semasa al Mahdi masih kecil, bapanya berpindah ke selatan dan tinggal 12 batu dari Khortoum. Di situ terdapat bekalan kayu yang cukup untuk pekerjaannya. Disinilah bapanya meninggal dunia dengan meninggalkan empat orang anak lelaki dan seorang perempuan. Adik beradiknya mewarisi pekerjaan bapanya tetapi Muhammad Ahmad lebih berminat kepada pelajaran agama. Gurunya adalah seorang ulamak mendapat subsidi dari kerajaan, jadi Muhammad tidak mahu makan makanan yang diberikan oleh gurunya kerana katanya makanan itu datangnya dari hasil kezaliman terhadap rakyat. Selepas menerima pengajaran yang sempurna yang terdapat di Sudan pada masa itu, beliau tidak pergi ke Azhar

seperti yang dilakukan lazimnya oleh pelajar-pelajar Sudan yang lain untuk menyambung pelajarannya, tetapi beliau mengambil keputusan untuk menghabiskan masanya dengan hidup secara sufi dan beramal. Dalam tahun 1861, beliau menjadi murid kepada Syeikh Muhammad Sharif Nur Daim, cucu kepada pncngasas tarekat Samaniya di Sudan. Di sini Muhammad Ahmad menetap selama 7 tahun dan terkenal sebagai seorang yang wara'. Beliau membuat berbagai kerja menolong gurunya untuk menunjukkan penghormatannya terhadap gurunya itu. Akhirnya, beliau dilantik menjadi Syeikh tarekat itu dan menjelajah ke seluruh Sudan untuk berdakwah. Pada masa itu, beliau bersama adiknya membuat rumah di Khortoum dan mengahwini anak perempuan datuk saudaranya, Ahmad Sarfi.

Sewaktu menemani adiknya mencari kayu balak, beliau telah sampai ke pulau Aba di tengah laut Nil Putih. Bermula dari tahun 1870, pulau ini telah dijadikan markas besarnya.

Pada mulanya Syeikh Muhammad Sharli menunjukkan sikap yang baik kepada anak saudaranya tetapi setelah nama Syeikh yang muda itu bertambah terkenal dan popular, bapa saudaranya mula merasa bimbang kemungkinan pengaruhnya akan terjejas. Beliau lalu mengambil keputusan menghalau anak saudaranya dari tarekatnya. Ini menyedarkan tentang siapakah syeikhnya yang sebenar, yang selama ini dihormatinya. Muhammad Ahmad menegur bapa saudaranya kerana membenarkan muzik dan tarian dalam majlis jamuan berkhatan anaknya. Beliau menegaskan bahawa semuanya itu bercanggah dengan syariah dan tidak ada helah untuk mengerjakannya. Beliau tidak meninggalkan tarekat itu tetapi beliau telah memberi janji setia kepada seorang ketua tarekat yang lain dalam tarekat Samaniya. Syeikh al Quraishi menyambutnya dengan baik dan berharap bahawa dia akan menggantikannya. Dalam tahun 1880, Syeikh al Quraishi meninggal dunia dan Muhammad Ahmad menjadi ketua tarekat Samaninya.

Pada tahun berikutnya, seorang yang tidak dikenali dari puak Taisha bernama Abdullah bin Muhamad datang kepadanya dan meminta izin untuk menyertai tarekat Samaniya. Ayah Abdullah adalah seorang yang wara' dan seorang ahli peramal. Keistimewaannya itu digunakan untuk merancang serangan-serangan bagi puaknya. Apabila bapanya meninggal, beliau menggantikannya sebagai ahli peramal bagi puaknya. Beliau telah memberitahu Muhammad Ahmad seperti berikut:

"Saya melihat dalam mimpi saya bahawa kamu adalah Imam Mahdi dan saya adalah seorang dari pengikutmu. Beritahu lah saya samada kamu benar-benar al Mahdi supaya saya dapat mengikut kamu ".<sup>9</sup>

Walaupun Muhammad Ahmad buta huruf, beliau sangatlah cerdas, rajin dan berkebolehan. Beliau cepat dikasihi oleh gurunya dan Muhammad Ahmad membalasnya dengan berbakti kepada guru itu. Muhammad Ahmad bukanlah senang-senang dipermainkan oleh pengikutnya. Pengakuannya sebagai al Mahdi datang dari keyakinan dalam jiwanya dan ditambah pula oleh kepopularannya yang luas. Di samping itu orang ramai sedang mencari-cari 'penyelamat' yang dapat membebaskan diri mereka dari malapetaka dan menegakkan keadilan dan kebenaran di seluruh muka bumi. Muhammad Ahmad mula mengkaji tentang kedatangan Imam Al Mahdi dan cuba membandingkan dengan dirinya.

Pada mulanya dia memberitahu tentang perlantikannya sebagai Imam Al Mahdi kepada Abdullah bin Muhammad. Kemudian berita itu disampaikan kepada seluruh penyokong dan murid-muridnya dalam bulan Mac 1881. Dengan semangat yang berkobar-kobar beliau berucap kepada pengikutnya dan berjanji akan membebaskan Sudan dari kezaliman Mesir dan menakluki Mesir. Beliau berjanji akan mengambil alih Mekkah dan terus bergerak ke Jerusalem di mana Nabi 'Isa a.s. akan turun dari langit dan berjumpa dengannya. Islam selepas itu akan memerintah dunia.

Di bawah ini ialah Bai'ah yang mesti diberi oleh pengikut-pengikut Muhammad Ahmad kepada beliau. Dari bai'ah ini jelas menunjukkan betapa taat setia mereka terhadap Sunnah Rasulullah s.a.w.

*Kami bersumpah dengan nama Allah dan Rasulnya dan berbai'ah kepada kamu bahawa Allah itu Esa dan kami tidak akan mensyirikkanNya. Kami tidak akan menari, minum arak, berzina, membuat fitnah dan mengingkari kamu dalam apa yang haram. Kami berbai'ah kepada mu bahawa kami akan menolak hidup dunia ini dan berpuas hati dengan apa yang ada di sisi Allah. Kami hanya cintakan hari akhirat dan kami tidak akan meninggalkan JIHAD".<sup>10</sup>*

Gabenor Mesir gemparkan Gerakan al Mahdi, lalu menghantar 200 orang tentera ke Pulau Aba untuk menangkap pemberontak dan menumpaskan kumpulan itu. Sekelian tentera Mesir yang dihantar telah dibunuh oleh tentera Al Mahdi. Ini diikuti dengan pengunduran tentera Mahdi ke padang pasir Kordofan dan disitu Al Mahdi mengistiharkan JIHAD FISABILILLAH.

---

<sup>9</sup> The Mahdist State Sudan, Peter Malcolm Holt.

<sup>10</sup> Ibid p 101

Pada 22 Mac 1882, sepucuk surat balas telah dihantar kepada Gabenor Mesir. Yang berbunyi:

*"Kamu mengatakan bahawa kami adalah miskin, jahil, nomad dan penyembah berhala. Tahukah kamu bahawa pengikut Nabi Muhammad S.A. W. adalah lemah, tidak berilmu, miskin, hamba dan penyembah batu dan kayu. Bagi raja-raja, orang-orang kaya dan orang-orang mewah, mereka tidak mengikut Nabi. Istana-istana mereka telah dihancurkan yang mulia dari mereka dibunuh dan mereka diperintah secara paksa. Kami bukan di bawah perintah kamu tetapi kamu dan orang-orang besar kamulah yang berada di bawah perintah kami. Tidak ada apa-apa antara kami dan kamu melainkan pedang".<sup>11</sup>*

Dari setinggi-tinggi Amir sehingga serendah-rendah pembawa air, pengikut-pengikutnya tidak ragu-ragu tentang dakwaannya dan bersedia untuk mati bersamanya. Muhammad Ahmad dapat membentuk puak yang liar menjadi berdisiplin dan bertanggungjawab yang tidak wujud dalam tentera Mesir yang tidak bermoral itu. Kejayaannya adalah menakjubkan. Di Kordofan, orang-orangnya boleh dikatakan tidak bersenjata melainkan kayu dan lembing, tetapi mereka telah dapat menghancurkan satu barisan tentera Mesir yang cukup lengkap dengan senjata moden.

Dalam bulan Ogos 1882, (bulan yang sama British menakluki Suez), Mahdi telah menyerang al Obeid, sebuah bandar yang mempunyai penduduk seramai 100,000 orang yang dikawal oleh tentera Mesir yang kuat. Tentera Mesir dapat bertahan hanya selama 6 bulan di mana mereka telah ditimpa kebuluran dan kalah dalam bulan Januari 1883.

Pengisytiharan ini dibuat oleh Mahdi di rumah kerajaan iaitu tempat menginapnya di Obeid. Ia berbunyi:

*"Marilah kita taat kepada Allah. Kita mesti meninggalkan benda-benda maksiat, haram, dan keji seperti minum arak, menghisap rokok, menipu, bersaksi palsu, menderhaka kepada ibu bapa, merompak, memandang benda haram, bertepuk tangan, menyanyi, menari, menangis meraung-raung dan berkawan dengan wanita asing. Tutuplah aurat perempuan kamu dalam keadaan yang baik dan janganlah kamu biarkan mereka berhubung dengan orang yang tidak dikenali. Sesiapa yang enggan mengambil hal tentang perkara ini, tidak mengikut perintah Allah dan Rasulnya, mereka akan dihukum dengan undang-undang Islam. Dirikanlah sembahyang dan janganlah benci membenci antara satu sama lain. Tolong menolonglah kamu antara satu sama lain dalam hal kebaikan."<sup>12</sup>*

Kerajaan British berharap bahawa Gabenor General di Khortoum dapat menguasai pemberontakan itu dengan askar-askar di bawah perintahnya, tetapi dengan kejatuhan Kordofan, daerah yang terkaya di Sudan, nyatalah bahawa

---

<sup>11</sup> Ibid p 30

<sup>12</sup> The White Nile, Alan Moorehead

pasukan yang besar terpaksa dihantar dari Kaherah kalaulah Revolusi Islam itu hendak dihancurkan. Kolonel William Hicks, pemerintah tentera British di Bombay, telah menyertai tentera Mesir dan dilantik sebagai panglima perang. Bersama beliau terdapat lebih dari sedozen pegawai Eropah termasuk pemberita London Times dan London Graphic. Pasukannya terdiri dari 1,000 tentera berkuda dan 8,000 ekor unta yang digunakan untuk menyeberangi padang pasir. Mereka dibekalkan dengan *machine gun* dan seribu biji peluru.

Pada 5hb. November 1883, pasukan tentera British telah bertembung dengan 50,000 pahlawan mujahiddin. Dari jumlah asalnya 10,000 orang tentera kerajaan, sekitar 20 hingga 30 orang sahaja yang terselamat. Kolonel Hicks dan kesemua pegawai dibunuh. Selepas kejayaan itu satu demi satu bandar jatuh ke tangan Gerakan Mahdi. British merasa takut dengan keadaan yang berlaku. Mereka telah menghantar General Gordon untuk mentadbirkan Khortoum. General Gordon berpura-pura sebagai seorang yang berakhlak, juara peradaban dan menentang kebuasan serta menentang fanatisme.

Banyak propaganda direka-reka oleh British tentang kezaliman perniagaan hamba di Sudan di bawah pemerintahan Islam. Mereka lupa akan kejahatan yang mereka lakukan dalam abad ke 18 dan 19 semasa mereka menjajah Afrika. Beribu-ribu hamba Afrika telah dihantar ke 'Dunia Baru' dalam keadaan zalim dan kebinatangan. Ini amat berbeza dengan layanan yang diberikan oleh orang-orang Islam terhadap hamba di dunia Islam. Di sebalik slogan menentang penghambaan di Sudan tersirat muslihat untuk mengekalkan pemerintahan British di Afrika. General Gordon memujuk Mahdi untuk menjadi sultan di Kardofan dan mendesaknya untuk membebaskan orang tawanan Eropah. Bersama surat perlantikan itu General Gordon menghantar sehelai jubah merah dan sebiji tarbush. Dalam surat balas dari Mahdi kepadanya, General Gordon memahami betapa salah anggapannya terhadap mujahid itu. Surat itu berbunyi:

*"Kamu mestilah faham bahawa aku adalah Imam Mahdi pewaris kepada Nabi Muhammad S.A. W. Oleh itu aku tidak perlu kepada pangkat Sultan atau pemerintahan Kordofan atau mana-mana pemerintahan. Aku tidak perlu kepada dunia dan perhiasannya. Aku adalah hamba Allah yang mendakwah manusia kepadaNya dan apa-apa yang ada di sisinya menurut kehendaknya. Allah telah menolong ku dengan Nabinabi, orang-orang wali dan orang-orang bertaqwa untuk menghidupkan agama Islam. Tentang hadiah yang engkau kirim, aku harap Allah akan membalasnya dan Allah akan memimpin kamu ke jalanNya yang lurus. Bersama ini aku pulangkan pakaian yang engkau hadiahkan itu. Kami dan sahabat-sahabat Rasulullah S.A. W. hanya mengharapkan balasan di hari akhirat".*

Selepas menerima surat balas itu, General Gordon telah menelefon Lord Cromer:

"Kalau Mesir mahu aman, gerakan Mahdi mestilah dihancurkan. Kalau kamu mahu hancurkan pergerakan Mahdi, hantarkanlah 100 ribu pounds dan 200 orang askar India ke Wadi Haifa. Hantarkanlah juga seorang pegawai ke Dongola di bawah alasan melihat tempat kediaman askar di sana. Masa inilah saja kita dapat menghancurkan pergerakan Mahdi dengan senang ".<sup>13</sup>

Apabila campur tangan besar-besaran British di Sudan dilancarkan, Mahdi menganggap bahawa adalah penting bagi mereka menyerang Khortoum. Kerajaan British berkali-kali meminta General Gordon lari sebelum terlambat tetapi dia enggan dan degil. Beliau telah menghantar telegram kepada Lord Cromer;

"Saya bersumpah, saya tidak akan meninggalkan Sudan sebelum kerajaan British dapat ditegakkan disini. Sehingga perkara itu berlaku, saya tidak akan berhenti dari bertugas".<sup>14</sup>

Ucapan inilah menjadikan General Gordon wira di England dalam sekelip mata. Pada malam 25 Januari 1885, Al Mahdi menyeberangi Sungai Nil dan memberi arahan kepada panglimanya, al Nujm untuk menyerang. Mereka menyerang sejam sebelum masuk waktu Subuh. Di dalam beberapa jam sahaja, British telah dikalahkan. Di dalam peperangan itu, General Gordon telah di bunuh dengan satu tikaman lembing di atas tangga kediamannya. Empat hari selepas itu, Mahdi memasuki bandar itu dan menjadi imam sembahyang Jumaat di masjid di situ.

Perasaan Queen Victoria lelah digambarkan oleh setiausahanya seperti berikut:

"Queen berada dalam keadaan yang sebak setelah mendengar kejatuhan Khortoum dan inilah yang menyebabkan dia jatuh gering. Pada masa itu Queen sedang bersedia untuk keluar bila sepucuk telegram sampai ke tangannya. Queen terus memanggil saya. Dengan muka pucat dan menggeletar baginda memberitahu kepada isteri saya yang berada datum ketakutan itu, "sudah terlambat ".

Seterusnya sepucuk surat telah dihantar oleh Queen Victoria kepada adik General Gordon yang berada di Southampton:

"Saya tidak tahu bagaimana hendak memberitahu kamu tentang apa yang saya rasai sekarang. Dunia merasa malu kerana tidak menyelamatkan abang kamu yang berani, mulia dan terhormat itu yang telah berkhidmat kepada negara dan Queennya dengan jujur, berani dan semangat pengorbanan. Inilah yang menyedihkan saya dan menyebabkan saya gering".<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Ibid p. 89

<sup>14</sup> The White Nile op cit p.271

<sup>15</sup> Ibid p. 290 " Ibid

Puan Gordon telah membalas surat Queen dengan menyembahkan Bible kepunyaan General Gordon. Bible itu telah disimpan di dalam kolak pameran di Widsor Castle. Surat khabar British mula menyiarkan buku catitan harian General Gordon dan dijual dengan larisnya. Surat khabar British mula mengapi-apikan kebencian terhadap Islam dan menggambarkan Mahdi sebagai liar, fanatik yang dahagakan darah. Tokoh British yang bersimpati dengan al Mahdi hanyalah seorang orientalis yang bernama Wifred Scamen Bunt yang menentang serangan British ke Sudan. Beliau dengan terang-terang mengkritik General Wolseley dan orangnya serta menganjurkan supaya perjanjian damai hendaklah dibuat dengan al Mahdi.

Peribadi Mahdi mempunyai daya penarik yang besar sehinggalah musuhnya yang paling besarpun tertarik hati. Father Joseph Ohrawlders, seorang Paderi Kristian Austria yang dipenjara oleh Mahdi selama 7 tahun menulis:

*"Rupa parasnya sangatlah menarik. Mahdi adalah seorang yang gagah, berdada bidang, kepala agak besar, mata bercahaya, janggut hitam dan terdapat tiga jalur di pipinya. Kulitnya sangat gelap tetapi dimulutnya selalu terukir senyuman yang menarik. Dia mempunyai barisan gigi yang sangat putih dan cara percakapannya amatlah manis dan menarik".*<sup>16</sup>

Wrigate Bahal, Gabenor Sudan berkata;

*"Tidak ragu-ragu lagi boleh dikatakan bahawa Mahdi mempunyai aqal yang paling pintar dan fikiran yang paling jelas dibandingkan dengan sesiapa saja yang berada di kawasan pemerintahannya".*<sup>17</sup>

Lima bulan selepas Khortoum dibebaskan, Mahdi diserang oleh demam kepialu di Omdurman, ibu negaranya dan meninggal dunia beberapa hari selepas itu. Kematian Mahdi berlaku di kemuncak kejayaannya. Khalifah Abdullah bin Muhamad, muridnya yang setia, mewarisi kepimpinan Mahdi. Beliau terpaksa bertanggungjawab memperkemas pemerintahannya dan mendirikan sebuah negara Islam yang merdeka serta tersusun. Di samping itu beliau terpaksa menjaga negara Islam itu dari bahaya perselisihan dan rasuah serta ancaman dari luar.

British mula merasa takut terhadap kekuatan negara Islam di Sudan dan tidak berani membuat serangan. Khalifah Islam itu menguasai sebuah negara yang luasnya separuh dari Eropah. Khalifah Abdullah Mohammad telah mengutus sepucuk surat kepada Queen Victoria dan menjemputnya ke Omdurman dan mengajaknya tunduk kepada pemerintahan Islam serta memeluk Islam. Surat itu berbunyi:

---

<sup>16</sup> Ibid p. 224

<sup>17</sup> Ibid p. 224-225

*"Ketahuilah bahawa Allah itu Maha Berkuasa dan ingatlah nasib yang telah dialami oleh Hick, Gordon dan pegawai-pegawai British yang lain di Sudan. Tentera Tuan hanya berfikir untuk mengundur diri dan mereka sudah serik, Tuan telah banyak membuat langkah yang silap dan mengalami kekalahan yang besar. Tidak ada perlindungan bagi Tuan sekalian melainkan Allah, Pemerintah sekalian alam. Hendaklah Tuan bersama-sama orang Islam dan pengikut Mahdi. Jikalau Tuan berbuat sedemikian dan menyerahkan semuanya kepada kami, Tuan akan mendapat ganjaran di sisi Allah iaitu syurga yang indah, yang tidak pernah terpandang oleh mata dan didengari oleh telinga atau difikir oleh manusia. Tetapi jikalau Tuan tidak meninggalkan kebodohan dan ketamakkan dan terus memerangi tentera Allah dengan askar dan alat-alat peperangan Tuan, maka Tuan akan ditewaskan di akhir nanti. Tuan akan dihancurkan oleh kekuasaan Allah dan kegagahanNya ataupun Tuan akan berperang dengan hamba-hamba Allah kerana tujuan kesyaitanan".<sup>18</sup>*

Selepas perlantikan khalifah dalam pergerakan Al Mahdi, perbalahan puak berlaku. Untuk menjaga kestabilan pemerintahannya dan mengelak dari berlakunya kekacauan dalam negara, khalifah terpaksa menghancurkan kumpulan-kumpulan pengacau ini satu demi satu. Kadangkala beliau terpaksa bertindak keras terhadap setengah-setengah puak dan pegawai-pegawainya. Persatuan anti perhambaan tidak melepaskan peluang ini dan mula menghebohkan tentang kekejaman yang diada-adakan itu. Sentimen anti Islam di negara-negara yang berbahasa Inggeris memuncak sehinggakan mereka yang menyokong khalifah dianggap pengkhianat. Khalifah telah dihina dengan menggambarkan beliau sebagai seorang ahli politik yang bertopengkan agama untuk kepentingan diri sendiri.

Keikhlasan khalifah terpapar dengan jelas di dalam amalan dan kerja-kerja beliau di sepanjang hayatnya. Beliau sahaja yang memenuhi syarat sebagai seorang ketua negara Islam kalau dibandingkan dengan pemerintah-pemerintah negara Islam yang lain.

Perasaan tanggungjawabnya sebagai pemimpin amat besar sehingga beliau tidak rela hatta untuk keluar walau sebentar dari Omdurman. Untuk menggantikannya beliau lebih suka mengarah pegawai-pegawainya untuk melihat keadaan masyarakat di sekitar kota itu. Beliau bangun dari tidur subuh-subuh pagi dan berjalan kaki ke masjid untuk menunaikan fardhu sembahyang. Selepas itu beliau akan tidur selama dua jam. Selepas bermesyuarat dengan Amirnya, beliau akan menunggang kuda untuk memerhati askar-askar yang bertugas di pinggir bandar. Hari Jumaat dianggap hari yang istimewa. Lebih kurang 50,000 penunggang kuda akan memecut kudanya ke bendera Hitam Mahdi yang bertulis dengan ayat Quran. Mereka mengangkat pedang, lembing

---

<sup>18</sup> The White Nile op cit p.3Q8 - 309

terhunus dan melepaskan tembakan ke udara. Selepas itu beliau makan pagi dan menjadi imam dalam sembahyang Jumaat diikuti oleh pelbagai kabilah. Syarahan akan disampaikan olehnya selepas menunaikan sembahyang.

Di tengahari pula, beliau berada di rumahnya atau membuat kerja di Baitul Mal. Pada waktu petang pula diikuti dengan sembahyang 'asar, ceramah serta pengisytiharan berita-berita penting di masjid. Kemudian beliau makan malam, sembahyang 'Isya' dan seterusnya berehat dalam biliknya sehingga pagi esok.

Khalifah tidak memerlukan undang-undang lain melainkan Quran dan Sunnah. Syari'ah dijadikan undang-undang tertinggi negara. Solat, zakat, puasa bulan Ramadhan, pengharaman arak, rokok, lagu dan tarian dikuatkuasakan. Pergaulan lelaki perempuan dan institusi hijab diambil berat. Pakaian rasmi bagi orang-orang Mahdi yang boleh dianggap sebagai uniform mereka ialah Jubah putih yang bertampal, kain pengikat pinggang dan selipar. Berkali-kali Mahdi menyanjung tinggi pakaian ini dan menganggapnya sebagai pakaian yang paling digemari oleh Rasulullah s.a.w.

Dari segi geografi dan pentadbirannya, pusat bagi negara Mahdi ialah Omdurman. Berasal dari tempat perkhemahan tentera, Omdurman berkembang dalam beberapa tahun saja menjadi sebuah kota yang cantik, terdampar luas sepanjang 6 batu di tebing kanan sungai Nil. Rumah khalifah ialah satu-satunya rumah dua lapis yang terdapat di situ. Tidak jauh dari rumahnya terletak tempat menyimpan senjata, alat peperangan dan bengkel-bengkel tentera. Baitul Mal terdiri dari satu bangunan kompleks yang mengandungi pejabat, gerai, tempat mencetak dan kilang membuat duit. Pasarnya luas dan dibahagikan mengikut jenis barangan dan jenis perniagaan. Sebahagian besar Omdurman terdiri dari rumah-rumah tempat kediaman yang dibuat dari batu, rumput dan tanah lumpur. Rumah-rumah itu dipisahkan oleh jalan yang sempit dan berliku-liku. Masjid berhampiran dengan kubur Mahdi adalah tempat permulaan jalan besar.

Dalam tahun 1896, British mengambil keputusan untuk menakluki negara Islam ini walau dengan apa cara mana sekalipun. General Kitchener telah dilantik menjadi ketua *intelligent*. Bersamanya juga ialah seorang pegawai tentera yang mempunyai masa hadapan yang cerah iaitu Winston Churchill. Kali ini mereka berhati-hati supaya tidak membuat kesilapan dan terburu-buru.

Dalam musim panas tahun 1898, Kitchener dengan segala kelengkapan senjata peperangan yang moden telah menyerang Omdurman dengan segala kekuatan. Di masa penyerangan mereka tidak memberi luang langsung dan membunuh beribu-ribu orang Islam. Orang-orang di luar Sudan sebahagian besarnya beranggapan bahawa Mahdi tidak berpeluang untuk menang.

Tenteranya yang berjumlah seramai 50,000 orang itu sebahagian besarnya tidak bersenjatakan apa-apa melainkan lembing, kayu dan senapang-senapang yang sudah ketinggalan zaman. Tentera Mahdi dengan beraninya merempuh tentera British dengan tiada menghiraukan tembakan dan jatuh bergelimpangan dan syahid. Seorang pemberita perang British menulis dalam London Times: "*Tidak terdapat mana-mana askar kulit putih sebelum ini dapat menghadapi medan maut seperti itu walaupun selama 5 minit*".

Churchill menulis dalam catatannya ;

*"Ianya bukan perang, tetapi pembunuhan secara beramai-ramai"*.

Manakala Sir H. Kitchener menutup teropongnya sambil berkata

*"Mereka sudah dibersihkan dengan sebersih-bersihnya"*.

Sebaik sahaja Kitchener memasuki Omdurman, beliau mengarahkan supaya kubur Mahdi dihancurkan. Tubuh Mahdi digali dan dihancurkan ke dalam sungai Nil sementara kepalanya dipotong dan tengkoraknya disimpan oleh Kitchener, sebagai trofi perang. Pada mulanya Kitchener berniat untuk menjadikan tengkorak Mahdi itu sebagai tempat membubuh dakwat, tempat tekan kertas atau cawan minuman tetapi akhirnya dia menghantarnya ke Kaherah dan kemudiannya dihantar ke London untuk diselidiki. Lord Cromer dengan diam-diam mengambil tengkorak itu dan menanamnya di Wadi Haifa pada waktu malam.


Khalifah dapat melepaskan diri dari Omdurman bersama dengan 7,000 mujahiddin ke Jebel Gedir, 400 batu ke selatan Khortoum. Di situlah dia dilahirkan dan dibesarkan. Kitchener menghantar 8,000 tenteranya untuk mengejar khalifah. *Machine gun* memuntahkan peluru dan para syuhada bergelimpangan di bumi. Wingale merasa gerun melihat tentangan yang diberikan oleh tentera Mahdi. Memandangkan bahawa usaha mempertahankan diri sudah mustahil dan jalan keluar sudah ditutup, khalifah memerintah sekalian amirnya supaya turun dari kuda dan beliau duduk bersila di atas tikar sembahyang kulit biri-biri. Ini adalah amalan yang dibuat oleh ketua Arab apabila mereka tidak mahu menyerah diri. Beliau meletakkan menterinya di kiri kanan, amir-amir duduk di sekelilingnya dan pahlawan-pahlawan Islam berbaris di hadapannya. Di situlah mereka syahid dengan beraninya.

Kekalahan Mahdi sedikit sebanyak adalah kerana kelemahan yang terdapat dalam harakahnya. Walaupun pengakuannya sebagai Imam Mahdi itu dapat diterima tanpa soal oleh pengikut-pengikutnya, konsep ini tidak diterima oleh orang-orang Islam di luar Sudan. Tidak dinafikan bahawa pengakuan itu dibuat dari hati yang ikhlas. Beliau mungkin dapat menarik banyak pengaruh jika beliau menganggap dirinya sebagai mujahid yang berani, sesungguhnya

itulah sifat beliau yang sebenarnya. Kelemahan kedua bagi harakah (gerakan) itu ialah kegagalan untuk mendapatkan sokongan dari luar Sudan. Di dalam surat terakhir General Najmi kepada khalifah sebelum meninggal dunia, beliau mengakui bahawa orang Islam di luar Sudan tidak mengambil hirau tentang perjuangan Mahdi. Mereka sebaliknya bekerjasama dengan British dengan menyekat bantuan makanan kepada orang Islam, menyeludup senjata untuk British dan turut sama membunuh orang Islam di Sudan.

Kelemahan yang ketiga ialah kerana negara Islam yang diasaskan oleh Mahdi tidak mengambil hal tentang pelajaran. Di dalam catatan sejarah tidak terdapat apa-apa pun tentang penubuhan sekolah dan institusi pengajian untuk mengajar Islam dan semangat perjuangan Islam kepada ummat Islam. Perniagaan hamba tidak secocok dengan syari'ah tidak dihapuskan. Tingkah laku tentera Mahdi di Khortoum dan Omdurman banyak menunjukkan bahawa mereka kurang tahu tentang undang-undang kemanusiaan dalam jihad. Dalam banyak ini, faktor yang terbesarnya ialah kerana polisi memencilkan diri yang akhirnya menjadi malapetaka dan kekalahan. Al Mahdi dan Khalifahnya amatlah tidak mengambil tahu tentang perkembangan luar negeri. Pernah Khalifah menanyakan seorang tawanan Eropah yang bernama Slatin samada Perancis itu nama bagi satu puak atau pun apa. Jikalau beliau mempunyai maklumat yang cukup dan lengkap tentang perkembangan luar sudah tentulah beliau dapat meramalkan dengan realistik kekuatan musuh dan menyediakan pertahanan yang kuat dan bersungguh-sungguh.

Walau bagaimanapun usaha gerakan Mahdi tidaklah sia-sia. Tidak ragu-ragu bahawa Muhammad Ahmad telah berjaya membangkitkan semangat jihad dan perjuangan Islam. Hingga sekarang Sudan adalah negara yang paling kuat Islam di dunia Arab.



## SHEIKH HASSAN AL BANNA

### **SHEIKH HASSAN AL BANNA**

---

Dalam tahun 1906, di sebuah bandar bernama Mahmudiah di Mesir, seorang putera telah dilahirkan. Putera inilah yang telah ditakdirkan Allah menjadi Mujahid yang paling hebat pernah wujud di dunia Arab dalam sejarah mutakhir ini. Beliau ialah Sheikh Hassan al Banna. Sheikh Hassan al Banna dibesarkan dalam keluarga yang amat kuat berpegang kepada Islam.

Beliau pernah berkata:

*"Bapaku ialah Islam dan aku tidak mempunyai bapa melainkan Islam",*

Bapanya tidak kurang juga hebatnya dalam bidang keilmuan dan ketaqwaan. Beliau ialah pembalik jam yang mahir. Pekerjaan inilah yang menjadi sumber rezeki bagi menyara hidup keluarganya. Masa kerjanya ialah pada waktu malam. Pada siang harinya pula, dia menjadi Imam di salah sebuah masjid di kampungnya di mana dia mengajar prinsip-prinsip Islam dan berdakwah. Masa lapangnya dipenuhi dengan bertalaah di dalam khutub-khanahnya. Kegemarannya ialah Shariah sementara Muwatta' Imam Malik dan Musnad Imam Shafei menjadi kitab yang paling disukai. Beliau adalah pengarang kepada kitab Tafsir Musnad Imam Ahmad Ibn. Hambal.

Sheikh Hassan al Banna berguru kepada bapanya sehingga dia berjaya menghafal seluruh Qur'an. Apabila Hassan al Banna meningkat remaja, bapanya mengizinkan menggunakan khutub-khanahnya dan membaca buku-buku dalam simpanannya. Dengan cara inilah Hassan al Banna menerima pengajaran Islam yang tulen dari bapanya. Kemahiran Hassan al Banna dalam bahasa Arab, bahasa ibundanya amatlah mengagumkan dan beliau tidak belajar sedikit pun bahasa asing.

Semangat perjuangan Islam dan kepimpinannya jelas ternyata pada peringkat umur yang masih muda. Beliau dan abang kandungnya telah menubuhkan persatuan 'Amal Ma'aruf dan Nahi Munkar'. Beliau sendiri membuat risalah cetakan tangan yang melarang orang laki-laki memakai cincin

emas dan pakaian sutera. Risalah-risalah ini dilekatkan di masjid-masjid dan dikirimkan kepada orang-orang ternama di seluruh bandar. Pada waktu berumur 12 tahun, Hassan al Banna sudah dilantik menjadi Imam Masjid dan melaungkan azan di atas menara. Subuh-subuh lagi, Hassan al Banna akan berjalan dari rumah ke rumah mengetuk pintu dan tingkap bagi membangunkan isi rumah dari tidur supaya berjemaah di masjid. Dia jugalah yang mengejutkan muazin dari tidur. Adalah menjadi amalan beliau berpuasa dalam bulan Rejab dan Syaaban di samping bulan Ramadhan. Beliau terus menerus mendalami ilmu Qur'an sama ada ketika berada di rumah, di sekolah maupun di tepi-tepi jalan.

Apabila umurnya meningkat ke 16 tahun, bapanya menghantarnya ke Darul Ulum, sebuah maktab latihan perguruan di Kaherah. Sesampainya di sana, beliau terkejut melihat keruntuhan moral dan sikap acuh tak acuh orang Islam di sana. Di masa pengajiannya, seorang pengarang Arab Dr. Taha Husin telah menulis sebuah buku murtad yang bertajuk 'Syair-Syair Di Zaman Jahiliyah' (On the Pre Islamic Poetry). Buku ini cuba menimbulkan keraguan terhadap kesahihan Qur'an dan Hadith. Pada masa itu juga, Sheikh Ali Abd. Ar Raziq menerbitkan sebuah buku yang bertajuk 'Islam dan dasar-dasar sebuah negara'. Buku ini memujuk ummat islam untuk mengamalkan sekularisma. Majalah-majalah dan suratkhbar-suratkhbar yang menegakkan slogan 'Mesir adalah sebahagian dari Eropah' membanjiri pasaran. Para nasionalis cuba memujuk dan mendesak kerajaan Mesir untuk pulang ke Tamaddun Firaun dan mencungkil adat-adat bangsa Mesir purba. Seruan kepada peniruan cara pembaratan Kamal Attaturk bertiup kencang dan tidak berhenti-henti.

Hassan al Banna merasa sedih melihat sebahagian besar orang yang terhormat dan berpengaruh menyertai barisan modenis serta menyesatkan umat islam. Dalam keadaan sedih dan pilu, beliau cuba menenangkan hatinya dengan cara merapatkan diri kepada Sayyid Rashid Rida' serta murid-muridnya. Di sinilah titik permulaan tertubuhnya satu harakah Islam yang besar dan tersusun untuk menghancurkan Jahilliah Moden. Beliau mula mendidik orang ramai dengan penuh sabar tentang kepentingan Islam dalam hidup individu dan sosial.

Sebelum meninggalkan maktab, setiap pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan mengenai rancangan masa depan masing-masing. Hassan al Banna mencatatkan; antaranya:

*"Saya akan menjadi pembimbing dan guru. Walau sepanjang tahun, saya akan mengajar kanak-kanak sekolah, saya tidak akan lupa untuk mengajar bapa-bapa mereka tentang matlamat-matlamat Islam. Mungkin saya akan menggunakan cara penulisan, syarahan, perjumpaan, dan lawatan ke sana sini. Dalam mengajar murid-murid, saya akan hadapi mereka dengan semangat kesyukuran dan pengharapan. Dalam tugas yang satu lagi, saya akan hadapi dengan kesabaran dan pengorbanan. Semangat-semangat ini adalah*

*mustahak bagi Mujahiddin dan kunci bagi kejayaan mereka. Mujahid-mujahid mestilah membuat kajian yang mendalam tentang individu-individu yang mendokong perjuangan Islam dan tentang penyokong-penyokong perjuangan Islam. Peribadi Mujahid mesti ditempa supaya tahan lasak dan biasa dengan kesusahan, Sesungguhnya saya menyerahkan nyawa saya kepada Allah. Inilah perjanjian saya dengan Allah dan tidak mungkin diubah. Hanya Allah yang mengetahui. Saya harap guru saya menjadi saksinya. Sesungguhnya sesiapa yang memenuhi janjinya dengan Allah akan mendapat ganjaran yang besar."*<sup>19</sup>

Hassan al Banna lulus dan meninggalkan Darul Ulum pada tahun 1927 semasa umurnya 21 tahun. Beliau adalah pelajar yang pintar dan mendapat tempat pertama dalam kelasnya.

Setelah beberapa bulan mengajar di Ismailia, di sebuah sekolah menengah rendah Kerajaan, beliau dengan rasminya menubuhkan Harakah Islamiah "Al-Ikhwanul Muslimin." Beliau didokong oleh enam orang pengikut dan pelajar-pelajar yang setia. Hassan al Banna mula mengunjung ke sebuah kedai kopi yang besar di mana beliau mengambil kesempatan bersyarah tentang azab neraka dan nikmat syurga. Syarahan beliau ini menikam lubuk hati pendengar-pendengar dan cukup untuk menyedarkan orang yang degil. Pada sebelah petang beliau pergi ke zawiyah sufi yang berhampiran untuk menunaikan sembahyang sebelum beliau menyambung balik syarahan dan dakwah di kedai kopi. Inilah cara beliau berdakwah dan mendidik orang ramai hingga ke larut malam. Pada cuti musim panas, beliau menjelajah seluruh Mesir sama ada dengan berjalan kaki atau menaiki keretapi buruk kelas ketiga yang penuh sesak. Beliau tidak melalui kampung-kampung dan bandar-bandar begitu sahaja melainkan beliau berhenti dan bermalam, menerangkan Islam kepada orang kampung di masjid-masjid dan di rumah-rumah.

Sheikh Hassan al Banna memang banyak dianugerahkan dengan kelebihan untuk menjalankan tanggungjawab Islam. Beliau bukan sahaja mempunyai fikiran yang tajam malah beliau juga mempunyai tubuh badan yang sihat dan gagah. Tubuhnya rendah sedikit tetapi kacak dan cergas. Di sepanjang hidupnya beliau dikurniakan Allah dengan kesihatan yang amat baik, dengan tenaga dan ketahanan yang tidak mengenal lelah. Bagi orang Arab, tiadalah benda yang paling menyentuh hati mereka melainkan syarahan yang baik dan ini dimiliki oleh Hassan al Banna. Serendah-rendah buruh dan setinggi-tinggi ulamak mengelilinginya untuk mendengar syarahannya yang bertenaga dan dengan peribadinya yang mempesonakan.

---

<sup>19</sup> The Moslem Brethen. Ishak Musa Husaini, p. 7-8

Dalam tahun 1933, Ibu Pejabat Ikhwan dipindahkan dari Ismailia ke Kaherah. Dalam masa tiga tahun selepas itu, Harakah Ikhwanul Muslimin memberi penekanan yang berat dalam mendidik umat Islam supaya menghayati Islam. Cara yang digunakan ialah dengan membina dan menggerakkan masjid-masjid, mendirikan sekolah-sekolah dan pusat-pusat kebajikan di seluruh Mesir. Pemuda yang dahulunya menggerakkan muazzin dari tidur kini menggerakkan umat Islam di seluruh Mesir. Apa yang dibuat olehnya tidak terbuat oleh ulama besar di Al Azhar. Kota Kaherah bergelumang dengan maksiat. Umat Islam malu untuk sembahyang di tempat lapang. Murid-murid di sekolah belajar membenci sebarang perkara yang bersangkutan dengan Islam. Di kota raya ini jugalah Hassan al Banna berjaya mengajak beratus-ratus pelajar berpendidikan Barat kepada menyintai Islam dan menjadi muridnya yang gigih berjuang.

Di bawah ini dicatitkan kata-kata Hassan al Banna yang menjadi asas kepada prinsip perjuangan harakah Ikhwanul Muslimin:

1. Apabila saudara mendengar azan, bangunlah sembahyang serta merta walau bagaimana keadaan sekalipun.
2. Bacalah Quran, atau tatapilah buku-buku atau pergilah mendengar perkara-perkara yang baik ataupun amalkanlah zikrullah. Janganlah sama sekali saudara membuang masa walaupun sedikit dengan membuat perkara-perkara yang berfaedah.
3. Berusahalah seberapa daya untuk bertutur dalam bahasa Arab yang betul, kerana bahasa Arab yang betul itu adalah satu syiar agama Islam.
4. Janganlah banyak ketawa, kerana hati yang sentiasa berhubung dengan Allah itu selalunya tenang dan tenteram.
5. Janganlah banyak bertengkar dalam apa perkara jua pun kerana pertengkaran yang kosong itu tidak memberi apa-apa kebaikan.
6. Janganlah bergurau, kerana umat yang sedang berjuang itu tidak mengerti melainkan bersungguh-sungguh dalam sebarang perkara.
7. Janganlah saudara bercakap lebih nyaring daripada yang dikehendaki oleh para pendengar kerana yang demikian itu adalah suatu rasmi yang sia-sia malah menyakiti hati orang lain.
8. Jauhilah daripada mengumpat peribadi-peribadi orang, mengancam pertubuhan dan janganlah bercakap melainkan dengan apa-apa yang boleh memberi kebajikan.
9. Berkenal-kenallah dengan tiap-tiap saudara Ikhwan Muslimin yang saudara bertemu sekalipun ia tidak meminta hendak berkenalan, kerana asas pergerakan kita ialah berkasih sayang dan berkenal-kenalan.
10. Kewajipan-kewajipan kita lebih banyak daripada masa yang ada pada kita. Oleh itu tolonglah saudaramu sendiri tentang tatacara bagaimana hendak menggunakan masanya dengan berfaedah dan jika saudara mempunyai tugas sendiri maka ringankanlah perlaksanaannya.

Al Ikhwanul Muslimun memberi kuasa penuh kepada ketuanya yang juga pengasas kepada pergerakan tersebut. Tidak terdapat seorang raja pun yang ditaati tanpa dipersoal seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli Ikhwan terhadap Hassan al Banna. Sheikh Hassan al Banna bercita-cita untuk menjalankan tanggungjawabnya ke seluruh Mesir. Matlamatnya ialah menukar secara menyeluruh masyarakat Mesir kepada masyarakat yang berlandaskan Syariah Islam.

Dalam tahun 1936, kegiatan Al Ikhwanul Muslimin mula diambil perhatian oleh pemerintah. Sheikh Hassan al Banna telah mengutus sepucuk surat kepada raja Farouk dan menteri-menterinya, menyeru mereka untuk membuang undang-undang Barat dan menjalankan undang-undang Islam. Beliau juga menyuruh mereka menunjukkan contoh yang baik kepada Umat Islam di Mesir dengan cara:

1. Mengharamkan pergaulan bebas antara perempuan dan lelaki,
2. Mengharamkan meminum arak di upacara-upacara rasmi,
3. Janganlah mereka berjudi khususnya di tempat-tempat judi,
4. Mereka hendaklah berhenti dari berjudi lumba kuda,
5. Mereka hendaklah berhenti dari bersuka-suka di kelab-kelab malam dan panggung wayang,
6. Mereka hendaklah berhenti dari mempamirkan tubuh badan anak-anak dan isteri-isteri mereka dalam surat khabar,
7. Mereka hendaklah mendirikan sembahyang,
8. Mereka hendaklah bercakap Arab, menggantikan percakapan Inggeris dan Perancis,
9. Mereka hendaklah berhenti dari menggunakan pengasuh Inggeris untuk menjaga anak-anak mereka dan
10. Mereka hendaklah berhenti dari menghantar anak mereka ke sekolah asing.<sup>20</sup>

Dari semua aspek kegiatan dalam harakahnya Hassan al Banna cukup menekankan soal mendidik generasi yang sedang meningkat naik ke Mesir. Berulang kali Hassan al Banna mendesak kerajaan untuk menyusun semula sekolah-sekolah yang ada berdasarkan Islam. Mengharamkan sistem pendidikan bercampur antara lelaki dan perempuan dan menyediakan sukatan pelajaran yang berbeza. Pelajaran sains juga mestilah dibersihkan dari fahaman materialistik. Dengan cara ini umat islam di Mesir akan dapat manfaat dari semua ilmu yang ada sementara dapat menyisihkan diri mereka dari kesan-kesan negatif.

Seperti Jamalludin al Afghani yang muncul sebelumnya, Sheikh Hassan al Banna berpendapat bahawa adalah mustahil bagi sebuah masyarakat Islam

---

<sup>20</sup> Sayings of Shaheed Hassan al Banna - Muslim News International. p24

dapat berkembang maju selagi mereka dijajah oleh kuasa asing yang jahat. Oleh itu, Hassan al Banna memberi satu fatwa bahawa ummat Islam mestilah berjihad melawan penjajah Inggeris dari sudut ekonomi dan politik. Hassan al Banna menegaskan bahawa penjajah Inggeris mestilah melepaskan pegangan ke atas Terusan Suez. Hassan al Banna bencikan zionisme dan prinsip-prinsipnya serta berazam untuk memerangi musuh Allah itu sehingga titisan darah yang terakhir. Dalam peperangan dengan Israel pada tahun 1948, tidak terdapat seorang tentera Arab pun yang berperang seberani pasukan sukarela Al Ikhwanul Muslimin. Tidak pernah Israel bertembung dengan lawan yang begitu pahit dan menggerunkan.

Apabila harakah Al Ikhwanul Muslimin bertambah terkenal dan berpengaruh, rejim yang ada mula menganggap harakah Islam itu sebagai subversif yang mengancam negara. Dalam tahun 1948, kerajaan Mesir tunduk kepada Inggeris dan mengharamkan harakah Al Ikhwanul Muslimin. Beribu-ribu ahli Ikhwan dihumban ke dalam penjara serta harta benda mereka dirampas. Dua bulan kemudiannya Sheikh Hassan al Banna ditembak mati oleh seorang penembak yang tidak dikenali di jalan raya Kaherah .

Syahidlah ketua yang mereka cintai. Tetapi ini tidak menggugat harakah itu malah lebih menyuburkan lagi semangat mereka. Al Ikhwanul Muslimin terus berkembang maju tidak dapat dibendung oleh sesiapa.

Dalam tahun 1954, sekali lagi Al Ikhwanul Muslimin dizalimi. Nasser yang berkuasa atas bantuan Ikhwan bertindak memburu ahli ahlinya. Tindakan itu berjalan hingga ke hari ini. Dari kanak-kanak hingga ke akhir hayatnya, Hassan al Banna telah memberi semua kemahirannya, pemikirannya, masanya, tenaganya, harta bendanya dan akhir sekali nyawanya pada jihad fisabilillah. Boleh dikatakan dia menyerahkan semua sekali yang ada pada dirinya untuk perjuangan Islam. Dialah syahid yang sebenarnya, syahid yang tinggi martabatnya. Moga-moga Allah merahmatinya dan menempatkan rohnya yang mulia itu di tempat yang bahagia. Mudahan-mudahan perjuangannya terus hidup dan dapat membakar semangat perjuangan Islam kepada kita semua.

Pada akhir Perang Dunia Pertama, pengaruh Ikhwan amat besar di seluruh Mesir sehingga harakah itu boleh disebut sebagai kerajaan dalam kerajaan. Boleh dikatakan jarang sekali terdapat bandar besar atau kecil yang tidak mempunyai cawangan Al Ikhwanul Muslimin. Sekolah-sekolah, masjid-masjid dan pusat-pusat kebajikan Ikhwan memenuhi seluruh Mesir. Majalah, risalah, surat khabar dan buku-buku mereka tersebar luas. Pengaruh Ikhwanul Muslimin tersebar luas hingga keluar negara Mesir. Pemuda-pemuda di negara-negara orang Islam mula mengharapkan panduan dari Hassan al Banna. Cabang

Ikhwanul Muslimin ditubuhkan di Syria, Lubnan, Jordan, Palestine, Maghribi, Iraq dan Sudan.



## AL IKHWAN AL MUSLIMIN

### **AL IKHWAN AL MUSLIMIN**

---

Selepas Perang Dunia Yang Pertama, kumpulan yang berhaluan ke barat bergerak begitu hebat sekali di Mesir. Kebangkitan nasionalisme di dunia Islam mencapai puncaknya dengan penggulingan sistem Khalifah Islam Uthmaniah di Turki oleh Kamal Ataturk. Pergerakan Pembebasan Wanita Mesir menjadi bertambah kuat apabila wanita kelas atasan Mesir memberontak; enggan memakai purdah. Mereka memakai fesyen Eropah, menghadiri temasya sosial yang bercampur bebas antara lelaki dan perempuan, sama ada secara tertutup ataupun terbuka. Mereka juga mendesak supaya wanita mempunyai hak yang setaraf dengan lelaki di dalam soal kemasukan ke universiti. Semuanya ini berlaku di waktu Hassan Al Banna sedang belajar di Darul Ulum. Di dalam catatannya, Hassan Al Banna mencatatkan rasa kebimbangan beliau serta rakannya terhadap perkembangan ini.

*"Hanya Allah yang mengetahui berapa malamkah kita berbincang tentang keadaan negara dan hubungannya dengan segala lapangan hidup rakyat. Apakah kesan dari penyakit masyarakat dan bagaimana untuk menyelesaikannya? Kami berbincang dengan penuh perasaan sehingga menitikkan airmata. Sebelum kami membuat sebarang keputusan, kami berbincang dengan panjang lebar sekali, tetapi alangkah terkejutnya kami apabila kami bandingkan keadaan ini dengan mereka yang tidak kisah kepada apa-apa, yang asyik bersenang-senang di kedai kopi."<sup>21</sup>*

Dalam catitan yang sama, Sheikh Hassan Al Banna mengakui bahawa keputusan menubuhkan Jamaah Ikhwanul Muslimin adalah ekoran dari pemerhatian beliau terhadap kejahilan Ummat Islam terhadap Agama mereka. Beliau menganggap bahawa masjid dan khatib khutbah sahaja tidak cukup untuk menyelesaikan masalah ini. Ulamak-ulamak yang ada tidak terdaya untuk menahan serangan dari puak Modenis selain dari melabelkan mereka murtad. Yang malangnya terdapat juga manusia yang digelar 'ulamak' tetapi terlalu mudah untuk bertolak ansur dengan pemerintah dari segi prinsip agama dengan

---

<sup>21</sup> The Moslem Brethen, Ishak Musa Husaini op cit p.7

tujuan untuk memuaskan hati taghut-taghut ini. Ulamak Kaherah jatuh ke lembah yang paling menghinakan apabila mereka menyetujui fatwa yang diberi oleh Rektor Universiti al Azhar bahawa Raja Farouk adalah layak untuk memerintah dan layak digelar Khalifatul Mu'min atas alasan "beliau adalah seorang Islam dan datang dari keturunan Rasulullah S.A.W.".

Dengan tekad bersungguh-sungguh dan sedaya upayanya Sheikh Hassan al Banna terus menubuhkan pergerakan Islam Ikhwanul Muslimin demi untuk menyelesaikan nasib yang malang itu. Ikhwanul Muslimin ditubuhkan dalam tahun 1928, sebaik sahaja beliau keluar dari Darul Ulum. Pemimpin-pemimpin Islam yang terkenal seperti Jamaluddin Al-Afghani, Sheikh Muhammad Abduh dan Sayyid Rashid Ridha' lebih mengutamakan penulisan dan dakwah syarahan dalam aktivitinya. Apa yang dilakukan oleh Hassan al Banna agak berbeza. Pada awal-awal lagi Sheikh Hassan Al Banna bercita-cita untuk menubuhkan satu harakah Islam yang syumul yang akan membimbing seluruh generasi dengan prinsip-prinsip Islam yang menyentuh semua aspek hidup seperti politik, ekonomi dan sosial.

Al Ikhwanul Muslimin adalah satu harakah yang tersusun rapi dengan ahlinya yang dibahagikan kepada peringkat-peringkat tertentu. Terdapat ahli peringkat pertama, peringkat kedua, penyokong dan pekerja. Seseorang itu tidak dinaikkan peringkatnya sebelum diberi ujian tertentu. Apabila ahli sudah dianggap aktif, mereka akan dipanggil dalam mesyuarat khas, di mana Sheikh Hassan al Banna sendiri yang menjadi ketuanya. Bagi mengendalikan ahli, mereka dibahagikan kepada nukleus, sel, usrah dan barisan. Apabila cawangan-cawangan bertambah, satu unit pentadbiran ditubuhkan dengan ahlinya dipilih khas oleh Mukhtamar (General Assembly). Markas akan menerima tentang maklumat semua kegiatan ahli 10 hari sebelum Mukhtamar.

Di Mukhtamar, semua cawangan menghantar wakil masing-masing. Persetujuan Markas Pusat diperlukan untuk meluluskan satu-satu keputusan yang dipersetujui oleh Mukhtamar Cawangan. Markas Pusat juga berkuasa untuk meluluskan atau menahan penubuhan sesuatu cawangan atau Jawatankuasa Tadbir. Untuk melicinkan lagi operasi, Jawatankuasa Pusat menubuhkan Jawatankuasa Kecil bagi department-department tertentu seperti kebajikan masyarakat, hubungan dengan Dunia Islam dan lain-lain. Di Kaherahlah letaknya Markas Pusat. Jawatankuasa Pusat terdiri dari 100 orang Jawatankuasa Pengasas dan 12 orang penasihat, yang dilantik sendiri oleh Hassan al Banna dari Jawatankuasa Pengasas. Setiap ahli membuat bai'ah atau sumpah setia. Mereka bersumpah untuk melindungi saudara-saudara Ikhwan hatta dengan mengorbankan nyawa mereka sendiri, disamping menaruh kepercayaan dan ketaatan dengan lapang dada terhadap ketua mereka. Mereka sanggup menerima perintah walaupun bercanggah dengan kehendak mereka. Di setiap

perjumpaan mereka akan memperbaharui sumpah mereka dan mengulangi " Sami' na wa Ata' na ".

Hassan al Banna mengetahui dengan terperinci ahli-ahli yang aktif dan dipercayai. Mereka ini dikehendaki merekodkan aktiviti-aktiviti harian mereka termasuk penghafalan Qur'an serta kehadiran mereka pada sembahyang berjema'ah. Mempelajari Al Qur'an, Hadith dan Syari'ah diwajibkan ke atas mereka. Mereka diajar menggunakan bermacam-macam senjata dan pertolongan cemas. Pada akhir pengajian mereka akan diperiksa apa yang telah mereka pelajari. Satu perjumpaan diadakan dua tahun sekali diperingkat cawangan apabila diarah oleh Hassan al Banna.

Di dalam tulisannya, Sheikh Hassan al Banna memegang teguh kepada beberapa prinsip. Pertamanya beliau melarang keras ahlinya menjadikan Ikhwanul Muslimin sebagai tempat medan percanggahan pendapat. Dalam soal ini, Hassan al Banna mengikut nasihat dari seorang ketua sufi di masa ia masih berada di bangku sekolah. Ketua sufi itu telah menasihatkan muridnya supaya jangan berbalah dalam perkara-perkara yang kecil dan jangan menggunakan kalimah-kalimah orang-orang atheist, murtad dan mission kristian di khalayak ramai.

*"Buatlah perkara ini semasa kamu berbincang dan bermusyawarah sesama kamu. Di hadapan orang-orang kampung, gunakanlah perkataan yang berkesan yang dapat membimbing mereka kepada Islam".*

Yang keduanya, Hassan al Banna begitu kurang dipercayai kalangan orang-orang kaya terkenal yang ingin menyertai Ikhwan. Pada anggapan beliau, mereka berbuat demikian mungkin untuk kepentingan diri atau mencari kepentingan dunia. Di dalam penulisan beliau dan pengikutnya terdapat penekanan tentang kepentingan membentuk harakah secara beransur-ansur. Sesebuah harakah itu mestilah mendapat sokongan orang ramai yang kuat sebelum dapat menggantikan kerajaan yang ada. Massa mestilah diberi dengan cukup prinsip-prinsip perjuangan Islam. Al Ikhwan dapat menjalankan programnya hasil dari kekuatan iman dan prinsip-prinsip Islam yang tulen, perpaduan dan Ukhuwah Islamiah di kalangan ahli-ahli harakah dan penyokong. Al Ikhwan berpendapat bahawa kekuatan hanya perlu digunakan apabila semua cara lain gagal. Di dalam ucapan dan tulisannya, Sheikh Hassan al Banna menafikan bahawa Ikhwan mahu mengadakan Revolusi bunuh membunuh atau Coup d'etat. Tidak juga ia mengatakan langkah tersebut sebagai berkesan.

Aktiviti asas bagi Al Ikhwan ialah soal tarbiyyah dan pembukaan sekolah-sekolah yang bermacam jenis. Berulang kali Al Ikhwan menyeru kepada

Kerajaan Mesir supaya mengambil berat tentang pengajaran agama dan prinsip-prinsip akhlak yang mulia kepada generasi muda yang sedang meningkat umur di sekolah-sekolah umum. Program persekolahan yang dilaksanakan sepatutnya mempunyai empat matlamat:

1. Menyebarkan prinsip Agama Islam.
2. Menaikkan taraf moral yang tinggi.
3. Kemegahan terhadap tamaddun Islam.
4. Menyediakan pakar-pakar di dalam semua bidang sains untuk membantu kebangkitan Islam di Mesir.

Di dalam kurikulum sekolah, al Ikhwan menyeru supaya pemerintah memberi perhatian yang istimewa kepada sejarah Islam dan Tamaddun Islam. Mereka juga mendesak supaya mata pelajaran Islam diwajibkan di universiti-universiti. Guru-guru yang tidak berakhlak, tidak mengambil berat tentang Islam serta tidak jujur dalam usaha-usaha untuk memperbaiki negara hendaklah dipecat. Sekolah-sekolah yang bercampur antara lelaki dan perempuan hendaklah diharamkan. Inilah antara contoh dan peranan aktif yang dimainkan oleh Al Ikhwan.

Di Markas Pusat, sebuah Jawatankuasa Khas mengenai penubuhan sekolah-sekolah diadakan. Sekolah-sekolah rendah, menengah, teknik yang ditubuhkan adalah lain dari sekolah-sekolah swasta serta lain dari segi penekanan prinsip Islam terhadap murid-murid. Untuk menghapuskan buta huruf, Ikhwan menubuhkan beberapa sekolah percuma untuk pekerja-pekerja dan orang-orang kampung. Pada siang hari terdapat kelas menghafal Qur'an sementara di malam harinya terdapat kursus-kursus untuk pemuda yang tidak berpeluang belajar pada siang hari. Kelas bimbingan bagi membantu mereka yang gagal dalam peperiksaan juga diadakan di sebelah malam. Guru-guru yang mengajar terdiri dari pelajar-pelajar universiti yang telah dilatih khas. Mereka juga membuka sekolah "Ummul Mu'minin" bagi Muslimat Ikhwan. Itulah contoh-contoh betapa beratnya perhatian yang diberikan oleh Ikhwanul Muslimin terhadap pendidikan sehingga boleh dikatakan tiada satu pun cawangan Ikhwan yang tidak mempunyai sekolah sendiri,

Dari segi kebajikan masyarakat, Ikhwan memberi bermacam-macam perkhidmatan. Mereka menubuhkan persatuan untuk meningkatkan taraf kehidupan serta memajukan kampung-kampung di Mesir. Salah seorang ahli Ikhwan al Muslimin mendirikan sebuah ladang contoh di atas tanahnya. Di kampung yang lain Ikhwan membina 4 buah kubur untuk digunakan oleh mereka yang miskin. Di tempat lain pula, Ikhwan menjamu 200 orang miskin tiap-tiap hari sepanjang bulan Ramadhan, cawangan-cawangan Ikhwan berlumba-lumba dalam memberi sedekah kepada orang-orang miskin, mengadakan bekalan elektrik ke kampung-kampung dan memungut derma di

bulan Ramadhan. Cawangan-cawangan Ikhwan berlumba-lumba dalam memberi sedekah di bulan Ramadhan. Setengah dari ahli Ikhwan menjadi hakim bagi menyelesaikan perselisihan-perselisihan yang berlaku di kampung-kampung. Mereka membuat bandan bagi mereka yang tidak berumah dan anak-anak yatim supaya pekerjaan yang sesuai dapat disediakan kepada mereka sejajar dengan umur mereka. Orang-orang cacat dan orang-orang sakit juga mendapat pertolongan dan segi sara hidup.

Masjid-masjid dibina di seluruh negara. Setengah kalangan mewakafkan tanah, sementara yang lain membiayai pembinaannya. Boleh dikatakan semua cawangan Ikhwan mempunyai masjidnya sendiri. Ikhwan juga mengambil berat tentang kesihatan masyarakat. Untuk mencapai matlamat tersebut mereka mendirikan hospital serta gedung-gedung ubat di kebanyakan tempat untuk merawat pesakit-pesakit. Kemuncak kejayaan Ikhwan ialah dengan terdirinya sebuah Klinik Ikhwan di Tanta di mana beribu-ribu pesakit dirawat dalam setahun.

Untuk menyebarkan prinsip perjuangan Islam, Ikhwan sangat aktif dalam bidang penerangan. Mereka menerbitkan akhbar harian dan lebih dari sedozen majalah. Diantaranya ialah majalah bulanan Al Manar, Mingguan Al-Taaruf, Al Shu'a, Al Nadhir, Ash-Shihah, Al Mabahith, Al Da'awah dan Al Muslimun. Akhbar harian mereka mendapat langganan yang paling laris dari semua keluaran. Ini adalah kerana matlamat-matlamatnya:

1. Menerangkan Islam sebagai agenda dan sistem hidup yang paling bagus, disampaikan dengan cara yang paling sesuai untuk zaman moden.
2. Mematahkan serangan-serangan yang dihalakan kepada Agama Islam.
3. Mendamaikan perselisihan pendapat diantara Mazhab-mazhab Islam demi untuk perpaduan Ummat Islam.

Tulisan Sheikh Hassan al Banna dikeluarkan tiap-tiap hari dalam akhbar Ikhwan. Tulisannya amat bernas dengan ayat-ayat Qur'an, Hadith Rasulullah S.A.W. dan syair-syair Arab Klasik. Antara tajuknya termasuk:

1. Program Ikhwan;
2. Perkembangan dan matlamat perjuangan Islam;
3. Bagaimana kita menarik manusia ke jalan Allah;
4. Menuju ke cahaya;
5. Matlamat dan prinsip kita;
6. Ke mana kita ajak manusia;
7. Harakah Kita;
8. Antara Hari ini dan Hari Esok;
9. Risalah Jihad;
10. Untuk mu Pemuda;

11. Ikhwan Muslimin dibawah Panji-panji Qur'an;
12. Tanggungjawab Muslimat; dan
13. Program Rohani.

Buku-buku yang ditulis oleh Ikhwan yang lain termasuk:

1. Ikhwanul Muslimin di mata dunia;
2. Palestin dan Afrika Utara;
3. Keruntuhan Tamaddun Barat Moden; dan
4. Islam terus melangkah ke hadapan.

Ikhwan juga mengeluarkan risalah-risalah dan riwayat hidup Hassan al Banna. Penerbitan ini bukan sahaja popular di Mesir malah ianya terkenal diseluruh negara-negara yang berbahasa Arab. Tidak terdapat satu pun pergerakan Islam di negara Arab di zaman moden ini yang dapat menghasilkan minat orang yang begitu kuat terhadap perjuangan Islam serta mendidik mereka dengan semangat Islam. Ini semua adalah kesan dari tulisan-tulisan yang gagah yang ditulis oleh Penulis-penulis Muslimin dan Muslimat Ikhwanul Muslimin.

Daripada awal lagi, Ikhwan menerima Muslimat menyertai harakahnya. Sayap Muslimat Ikhwanul Muslimin mempunyai dasar perjuangan yang sama dengan Muslimin walaupun terdapat sedikit ubah suai untuk memenuhi sifat kewanitaan Muslimat. Penekanan yang berat diberi untuk menghasilkan individu-individu Muslimat yang mulia, berakhlak dan suci, Aktiviti Muslimat berkisar pada pendidikan dan kebajikan masyarakat berdasarkan Islam.

Di antara ciri yang menonjol bagi Harakah Ikhwanul Muslimin ialah penekanannya yang berterusan terhadap kepentingan JIHAD. Jihad yang diajar oleh Ikhwan ialah Jihad yang difahami oleh semua orang Islam iaitu Jihad yang tidak mempunyai sebarang unsur tolak ansur. Bukannya konsep JIHAD yang direka-reka oleh Puak Modernist. Ikhwan menganggap bahawa ibadat dan amal soleh seseorang Islam itu sia-sia jika ia tidak bersedia untuk mengorbankan nyawanya demi untuk mempertahankan Agama Islamnya. Bersedia untuk mati tanpa mengharap sebarang balasan dunia melainkan semata-mata cintakan Allah dan hari akhirat. Al Ikhwanul Muslimin menaikkan semangat Jihad dengan cara menggalakkan pemuda Islam melakukan latihan menguatkan tubuh badan untuk persediaan perang. Mereka juga mempunyai minat yang besar terhadap pergerakan pengakap. Akhirnya mereka menubuhkan Unit tentera mereka sendiri untuk mempertahankan harakah apabila diperlukan.

Sheikh Hassan al Banna berkali-kali mengajak orang kampung supaya berjihad menumpas penjajah British dan menghalau mereka selama-lamanya dari Mesir. Beliau tidak bertolak ansur langsung dalam masalah ini dan beliau tidak mempercayai langsung pendapat dan fikiran bahawa masalah ini dapat diselesaikan melalui perbincangan dan mesyuarat yang tidak membawa

kemana-mana. Di dalam peperangan Palestin pada tahun 1948, pasukan sukarelawan Ikhwan Muslimin adalah pasukan yang paling berani berperang di pihak Arab. Apabila Bangsa-Bangsa Bersatu mengiktiraf penubuhan negara Yahudi di Palestin, Sheikh Hassan al Banna menyeru semua negara Islam meninggalkan Bangsa-Bangsa Bersatu dan berjihad menentang Yahudi.

Sheikh Hassan al Banna dan penyokongnya dengan terang-terang dan berani melaungkan bahawa Islam sajalah agama yang terbaik dan penyelesaian kepada semua masalah yang dihadapi oleh Mesir. Matlamat Ikhwanul Muslimin ialah untuk mendirikan masyarakat dan negara Islam di mana Syariah Islam menjadi undang-undang negara. Hassan al Banna berkata:

*"Kita tidak akan berdiam diri dan bersenang hati atau berhenti selagi Qur'an benar-benar menjadi perlembagaan negara. Kita akan hidup untuk mencapai matlamat ini atau mati dalam usaha melaksanakannya".*

Al Ikhwanul Muslimin tidak berpuas hati dengan undang-undang negara yang hanya meletakkan Islam sebagai Agama Negara. Mereka mendesak supaya undang-undang Islam dijalankan sepenuhnya dimana kerajaan dan rakyat tunduk kepada undang-undang Allah. Sheikh Hassan al Banna berkata dalam satu ucapannya:

*'Al Ikhwanul Muslimin memegang sikap bahawa Islam mempunyai implikasi yang ketara dan menyeluruh. Islam mengawal semua tingkah laku individu dan masyarakat. Setiap sesuatu mestilah tunduk di bawah undang-undangNya dan mengikut ajaranNya. Sesiapa yang menurut Islam dari segi Ibadat saja tetapi meniru orang kafir dalam semua hal lain boleh dianggap sama taraf dengan orang kafir".*

Di dalam jawapan kepada salah seorang pemimpin politik di zamannya, beliau berkata:

*"Kami mengajak kamu kepada Islam, ajaran Islam, undang-undang Islam dan petunjuk Islam. Kalau ini dianggap politik oleh kamu maka inilah politik yang kami perjuangkan".*

Oleh kerana Demokrasi tulen tidak wujud di Mesir, Hassan al Banna memerintahkan supaya semua parti politik dibubarkan termasuk Sistem Parlimen kerana ini semua tidak menghasilkan apa-apa melainkan keruntuhan moral dan perebutan kuasa. Hassan al Banna dan pengikutnya berkeyakinan bahawa tidak ada satu pun parti politik Mesir yang wujud di zaman Raja Farouk benar-benar ingin melaksanakan undang-undang Islam atau cinta kepada Islam. Ikhwanul Muslimin bercita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam Mesir yang kuat dan memansuhkan semua parti-parti yang ada. Begitulah tegasnya sikap Al Ikhwanul Muslimin sehinggakan menjadi syarat bagi sesiapa yang

ingin menjadi ahli harakahnya berhenti dari menjadi ahli sebarang parti politik yang ada di Mesir pada zaman Raja Farouk.

Walaupun al Ikhwanul Muslimin menyokong Nasionalis Arab Sekular dalam soal membebaskan Mesir dari belenggu Penjajah dan kesatuan Arab, ini bukanlah menjadi matlamat tetapi cara sahaja. Menyatukan bangsa Arab adalah langkah pertama kepada penyatuan Ummat Islam di negara Arab. Bebas dari penjajahan bermakna Ummat Islam mempunyai kesempatan untuk menubuhkan sebuah negara Islam.

Malangnya apabila tergulingnya Raja Farouk dalam Revolusi 23hb. Julai 1952, negara Mesir ditukar kepada sebuah Negara Nasionalis Sekular tulen serta terus melanjutkan polisi membaratkan Mesir seperti yang dibuat oleh pemerintah dahulu. Masa telah membuktikan bahawa pemerintah yang baru adalah sama ganasnya terhadap pergerakan Islam seperti pemerintah yang dulu juga malah mereka lebih tamak, zalim dan gila kuasa.

Al Ikhwanul Muslimin bukan mahukan kuasa untuk kepentingan diri sendiri, malah mereka berjanji berkali-kali untuk menyokong sesiapa yang memerintah asalkan undang-undang Islam dijalankan. Semua ini ditolak mentah oleh diktator Tentera yang baru berkuasa itu. Presiden Gamal Abdul Nasser pernah berkata:

*"Saya telah bertemu dengan Ketua Penasihat Ikhwanul Muslimin yang telah membuat beberapa tuntutan kepada saya. Perkara pertama yang dia mahu ialah semua wanita diwajibkan menutup aurat. Dia juga mendesak supaya ditutup semua panggung wayang dan tempat pementasan. Dengan lain perkataan dia mahu supaya hidup kita gelap dan mendung. Sudah tentulah menjadi perkara mustahil untuk kita melaksanakannya".*

Percubaan untuk membunuh Presiden Gamal Abdul Nasser pada December 1954 menjadi alasan yang baik yang ditunggu-tunggu oleh kerajaan untuk menghancurkan Ikhwan al Muslimin. Ikhwan telah dituduh melakukan penembakan itu walaupun Ikhwan berkali-kali menafikannya. Beribu-ribu anggota Ikhwan telah ditangkap, dipenjara dan 6 orang telah digantung hingga mati. Protes dari dunia Islam tidak dilayan langsung. 12 tahun selepas peristiwa itu, iaitu pada tahun 1961, al Ikhwanul Muslimin telah difitnah sekali lagi sebagai penyebab kepada kegagalan dan kemunduran negara. Akhirnya Presiden Nassir telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang penting untuk menghapuskan pengaruh gerakan apa yang dipanggil reaksionari Ikhwanul Muslimin'. Beliau telah mencadangkan supaya kuasa ketenteraan dan undang-undang digunakan untuk menghancurkan Harakah Islam ini. Sebahagian dari cadangan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Khas itu telah disiarkan dalam An-Nadwa, Mekah seperti berikut:

1. Mata Pelajaran Deeniyah (agama) mestilah dibuang terus dari sukatan pelajaran di Institusi Pengajian di seluruh negara. Semuanya itu akan digantikan dengan kurikulum baru berdasarkan prinsip sosialisma.
2. Komunis mestilah dibantu dan diberi peluang yang luas untuk menghancurkan agama supaya martabat mereka yang beragama di Mesir hancur. Tanggungjawab ini diberikan kepada kerajaan yang akan mengizinkan komunis menjalankan aktiviti anti agamanya dengan selantang-lantang. Sementara itu agama akan ditindas dari sebarang peluang untuk bergerak.
3. Selepas kita mengkaji dengan mendalam tentang mereka yang tidak terikat dengan Ikhwan tetapi memainkan peranan yang sama dengan Ikhwan, kita merumuskan bahawa kedua-dua kumpulan pendakwah-pendakwah ini bersatu dari segi fikrah dan amalannya. Oleh itu kedua kumpulan ini mestilah dipisahkan dan pertalian mereka diputuskan. Kalau tidak, harinya tidak akan lama di mana mereka akan berganding bahu untuk memberontak menentang kerajaan secara terbuka. Pada masa itu kita akan susah untuk membezakan antara satu dengan yang lain. Adalah wajar kalau kita elakkan bahaya ini dengan menganggap bahawa kedua kumpulan itu adalah sama. Semua ruang untuk perkembangan mereka serta peluang bagi aktiviti intelektual dan praktikal mereka mestilah dihalang. Penyiasatan yang rapi hendaklah dijalankan bagi mengetahui berkenaan dengan perjumpaan dan hubungan mereka antara satu sama lain. Semua ahli ibadat dari sebarang agama mestilah diharamkan dari menjadi ahli sebarang organisasi. Mereka hendaklah juga diharamkan dari tempat-tempat awam, propaganda kebangsaan dan keramaian-keramaian negara. Ikhwan dan simpati-simpatinya mestilah ditindas berterusan serta dipenjarakan. Semua usaha untuk menjaga keselamatan harta benda mereka hendaklah ditarik balik dan diumumkan bahawa keselamatan mereka pun tidak akan dijamin. Berbagai-bagai penyiksaan, penghinaan dan penindasan mestilah dilakukan ke atas mereka supaya mereka tidak akan merasa senang walaupun sesaat.

Akibat dari polisi ini, beribu-ribu Ikhwan termasuk Muslimat ditangkap dengan tidak ada peluang membela diri dan mereka diazab dengan penyiksaan yang tidak ada tolak bandingnya. Hassan Ismail Hidaybi, seorang hakim dan ulamak terkenal yang menggantikan Hassan al Banna sebagai Ketua Penasihat Ikhwan telah disiksa walaupun umurnya sudah tua dan uzur. Pada 29hb. Ogos, 1966 tiga orang pemimpin Ikhwan telah dihukum bunuh. Yang paling terkenal di antara tiga itu ialah Ash-Syaheed Sayyid Qutb yang juga seorang ulamak dan penulis terkenal di dunia Arab. Adiknya Muhammad Qutb yang juga seorang penulis yang terkenal, dua orang adik perempuannya, Aminah dan Hamidah Qutb pun turut dikurung dalam penjara bertahun-tahun lamanya.

Beberapa tahun dahulu. Sheikh Hassan al Banna telah meramalkan mala petaka ini dan memberi amaran kepada pengikut-pengikutnya bahawa Ikhwanul Muslimin akan dihina, ditentang, ditahan, dianiaya, disiksa dan akan dikenakan kesusahan yang amat pahit. Sementara itu beliau berjanji bahawa kemenangan di dunia dan di akhirat akan tetap bersama Ikhwan akhirnya.

Walaupun Ikhwan al Muslimin ditindas di negaranya sendiri, Ikhwan di Syria, Jordan, Lebanon dan Sudan terus bergiat dengan aktiviti mereka. Di Geneva, Dr. Said Ramadhan mengahwini anak perempuan Hassan al Banna dan menyebarkan prinsip perjuangan Islam di Barat dengan hebat. Beliau keluar dari Mesir apabila beliau dijatuhkan hukuman bunuh oleh kerajaan Mesir.

*"Adalah salah kalau kita menganggap prinsip perjuangan Ikhwanul Muslimin telah mati. Penulis rencana ini telah pergi ke Mesir dan Syria serta melihat dengan mata kepala sendiri kesan dari harakah ini di sana. Kehilangan sementara harakah dari masyarakat kerana situasi tertentu, tidak bermakna ianya telah mati. Pergerakan berideologi tidak mati dengan cara ini. Mesejnya masih terus berkembang di semua lapangan hidup termasuk intelektual, sosial dan kebudayaan. Malah prinsip perjuangan Ikhwan subur dan menjelajahi tanah-tanah baru. Apabila sekatan yang dikenakan oleh penzalim diturunkan, Ikhwan insya-Allah akan muncul dengan lebih gagah dan bersemangat. Inilah keadaan Ikhwan yang sebenarnya. Tetapi, apakah yang telah berlaku kepada Parti Sekular di Mesir? Di manakah perginya Wafd Party sekarang? Ke manakah juga perginya Sa'adist Party? Saya harap cerdik pandai dapat pergi ke Mesir dan mengkaji sendiri keadaan di sana. Apabila berlakunya penindasan dari regim pemerintah, pergerakan manakah yang lebih gigih menghadapinya?"*